

**SEJARAH KERAJAAN TURKI UTHMANIYAH DAN SUMBANGANNYA DALAM
BIDANG SOSIOPOLITIK ABAD KE-14 HINGGA ABAD KE-20**
(History of the Ottoman Empire and Its Contributions in Sociopolitical Aspects from 14th Century Until 20th Century)

Abu Hanifah Haris *

Abstrak

Turki Uthmaniyyah merupakan sebuah khilafah Islam yang pernah wujud di wilayah Anatolia yang terletak di Turki, manakala ibu negaranya terletak di Istanbul. Kerajaan ini muncul sejak akhir abad ke-13 dan mencapai kemuncak ketika abad ke-15 dan abad ke-16. Kerajaan Turki Uthmaniyyah juga sering dianggap khilafah Islam yang menjadi pengganti kepada khilafah Bani Abbsasiyah yang dijatuhkan pada abad ke-13, sekali gus menjadi penaung dan pemelihara kepada umat Islam di seluruh dunia. Objektif kajian ini ialah membincangkan sejarah kerajaan Turki Uthmaniyyah selain sumbangan kerajaan Turki Uthmaniyyah dalam aspek politik dan sosial. Skop kajian ini ialah sejak penubuhan kerajaan Turki Uthmaniyyah pada awal abad ke-14 iaitu sekitar 1300 sehingga keruntuhan kerajaan Turki Uthmaniyyah pada awal abad ke-20 iaitu pada tahun 1924. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu kaedah kajian perpustakaan dengan meneliti pelbagai sumber primer seperti fail dan dokumen, iaitu fail *Foreign Office* (FO) yang diperoleh di The National Archive, London, serta akhbar seperti *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser* dan *The Straits Times*, selain sumber sekunder seperti buku, artikel dan tesis. Kajian ini mendapati bahawa kerajaan Turki Uthmaniyyah telah memberikan sumbangan yang besar dalam bidang politik dan sosial, khususnya pada dua abad pertama penubuhan kerajaan tersebut iaitu akhir abad ke-13 sehingga akhir abad ke-16.

Kata Kunci: Turki Uthmaniyyah, Turki, Anatolia, Sejarah, Bidang Sosiopolitik

Abstract

The Ottoman Empire is an Islamic caliphate that once existed in the Anatolian region of Turkey, whose capital is Istanbul. The Empire is dated from the beginning of the late 13th century until its peak in the 15th and 16th centuries. The Ottoman Empire is also regarded as the Islamic caliphate that succeeded the Abbasid Caliphate, which was overthrown in the 13th century. The Ottoman Empire thereafter became the patron and guardian of the Muslims around the world. This article aims to discuss the history of the Ottoman Empire and its political and social contributions. The scope of the study is from the establishment of the empire in the early 14th century in 1300 until its downfall in the early 20th century (1924). A qualitative approach by means of library research methodology was adopted by referring to various primary sources, such as files and documents like Foreign Office (FO) file obtained from The National Archive, London, and newspapers such as The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser and The Straits Times, in addition to secondary sources, such as books, articles, and theses. The study has found that the Ottoman Empire massively contributed to the political and social fields, particularly in the first two centuries of its establishment (in the late 13th century) until the late 16th century.

Keywords: Ottoman Empire, Turkey, Anatolia, History, Sociopolitical Aspects

Pengenalan

Salah sebuah kerajaan Islam yang kuat pada abad ke-14 ialah kerajaan Turki Uthmaniyyah. Kerajaan ini muncul di kawasan Anatolia yang terletak di Asia Minor atau Turki pada hari ini. Kerajaan ini muncul sejak awal abad ke-14 dan mencapai kemuncak ketika abad ke-15 dan abad ke-16. Antara keistimewaan kerajaan ini ialah ketika kemuncak penaklukan empayar tersebut, jajahan takluknya bukan sahaja meliputi benua Asia khususnya bahagian Asia Barat serta Afrika khususnya bahagian Afrika Utara, tetapi juga meliputi benua Eropah khususnya bahagian Eropah Timur meliputi wilayah Balkan hingga

* Abu Hanifah Haris (PhD), Senior Lecturer, Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: abuhanifah@um.edu.my.

ke Romania, Bulgaria dan Hungary. Malah ibu negara kerajaan tersebut juga terletak di Istanbul yang asalnya merupakan ibu kota empayar Rom Timur atau Byzantine setelah ditakluki oleh Mehmed II pada tahun 1453. Kerajaan ini berakhir secara rasmi pada tahun 1924 apabila Presiden Turki, Mustafa Kemal Ataturk bertindak menamatkan institusi khalifah tersebut seterusnya menjadikan Turki sebagai sebuah republik. Sejak penubuhannya pada akhir abad ke-13 sehingga awal abad ke-20 iaitu lebih 600 tahun, terdapat 36 orang sultan pernah memerintah kerajaan tersebut.¹

Artikel ini memberi tumpuan kepada sumbangan kerajaan Turki Uthmaniyyah dalam aspek sosiopolitik bermula sejak awal abad ke-14 sehingga awal abad ke-20. Dalam hal ini, maklumat lanjut berkenaan sumbangan kerajaan Turki Uthmaniyyah khususnya dalam aspek sosiopolitik akan dibincangkan secara lebih mendalam. Perbincangan dimulakan dengan latar belakang kerajaan Turki Uthmaniyyah serta perbincangan mengenai pemerintah kerajaan Turki Uthmaniyyah berserta peranan dan sumbangan mereka. Perbincangan berikutnya berkaitan sumbangan kerajaan Turki Uthmaniyyah dalam bidang politik, dan diakhiri dengan perbincangan mengenai sumbangan kerajaan Turki Uthmaniyyah dalam bidang sosial.

Sejarah Penubuhan dan Perkembangan Kerajaan Turki Uthmaniyyah, 1299-1922

Kerajaan Turki Uthmaniyyah berasal daripada nama pengasas kerajaan tersebut iaitu Osman (1299-1326). Orang Turki sendiri memanggil kerajaan tersebut sebagai “Osmanli”. Dalam bahasa Arab, kerajaan ini dipanggil sebagai “Uthmaniyyah”, manakala di Barat pula kerajaan tersebut dikenali sebagai “Ottoman”. Orang Turki berasal daripada bangsa Oghuz Turk yang berasal dari Mongolia atau sekitar Asia Tengah sebelum berhijrah dan menetap di bahagian barat Asia, iaitu di Asia Barat atau Timur Tengah. Bangsa Oghuz Turk yang memeluk Islam sering digelar sebagai “Turcoman”. Terdapat juga bangsa Oghuz Turk yang memeluk Islam sebelum berkhidmat sebagai tentera upahan dalam kerajaan Bani Abbasiyah. Bangsa Oghuz Turk juga merupakan pengasas kerajaan Seljuk dan Uthmaniyyah di Anatolia.² Antara rahsia kejayaan orang Turki sehingga berjaya mewujudkan sebuah kerajaan yang kuat ialah kewujudan semangat “ghazi”.³ Secara umumnya, semangat ghazi merujuk kepada semangat untuk menjadi pahlawan yang sanggup berkorban apa sahaja untuk menyebarkan Islam, sehingga mampu menjadi salah sebuah kerajaan Islam yang kuat antara abad ke-14 sehingga abad ke-17.

Pengasas kerajaan Turki Uthmaniyyah bernama Osman (1299-1326). Pada tahun 1299, Osman telah memerintah sebuah wilayah kecil berhampiran Dorylaeum (Eskinsehir) dengan Sögüt sebagai ibu negerinya.⁴ Kawasan tersebut terletak di barat laut Anatolia dan bebas daripada pengaruh kerajaan Seljuk.⁵ Sebelum itu, bapa beliau iaitu Ertuğrul tiba di Anatolia dari Merv, Turkmenistan pada akhir abad ke-13 bersama 400 tentera berkuda bagi membantu Sultan Seljuk, Kayqubad I yang sedang berperang dengan Empayar Byzantine atau Rom Timur. Sebagai balasan, beliau dihadiahkan *Beylik* (wilayah) Sögüt di sebelah barat Anatolia.⁶ Wilayah tersebut kemudiannya menjadi ibu negeri kerajaan Turki Uthmaniyyah yang pertama (1299-1335).

Terdapat beberapa pemerintah yang telah memainkan peranan penting sehingga berjaya menjadikan kerajaan Turki Uthmaniyyah sebagai sebuah kerajaan yang gemilang. Selepas kematian Osman sekitar tahun 1326, beliau digantikan oleh anaknya yang bernama Orhan (1326-1362). Antara sumbangan baginda ialah menguasai Prousas (Bursa) di Anatolia pada tahun 1326 sebelum dijadikan ibu negara dan makam diraja. Baginda juga menguasai wilayah Byzantine seperti Nicaea (Iznik) pada tahun 1331, menguasai Nicomedia pada tahun 1337, serta menguasai Ankara pada tahun 1354. Baginda juga merupakan pemerintah Turki pertama yang menguasai tanah Eropah apabila menguasai Gallipoli (Greek) pada tahun 1352.⁷ Baginda juga menguasai Dhidhimoteichon (Dimetoka) di Greek pada tahun 1361. Baginda meninggal dunia pada tahun 1362.

¹ Selcuk Aksin Somel (2003), *Historical Dictionary of the Ottoman Empire*, Lanham, Maryland: The Scarecrow Press Inc., h. xix-xx.

² Selcuk Aksin Somel (2003), *Historical Dictionary of the Ottoman Empire*, h. 217.

³ Janice J. Terry (2008), “Ottoman Empire: 1299-1453,” dalam Marsha E. Ackermann et al. (ed.), *Encyclopedia of World History*, New York: Facts on File Inc., h. 317.

⁴ Lihat Norman Itzkowitz (1972), *Ottoman Empire and Islamic Tradition*, Chicago: The University of Chicago Press, h. 10.

⁵ Sadi S. Kucur (2009), “Seljuks (Selcuks, Selçuks),” dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 515.

⁶ Ahmad Fu’ad Mutawalli & Huwaida Muhammad Fahmi (2005), *Tarikh al-Daulah al-Uthmaniyyah: Munzu Nashatiha hatta Nihayah al-‘Asr al-Zahabi* (Sejarah Kerajaan Uthmaniyyah: Sejak Kemunculannya sehingga Akhir Zaman Keemasan), al-Qahirah: Itrak lil Nashr wa al-Tauzi’, h. 30.

⁷ Colin Imber (2002), *The Ottoman Empire, 1300–1650: The Structure of Power*, New York: Palgrave Macmillan Ltd., h. 10.

Pengganti baginda iaitu Murad I (1362-1389) pula merupakan pemerintah Turki Uthmaniyyah pertama yang mengisyiharkan dirinya sebagai *Hudavendigar* (Maharaja).⁸ Antara sumbangan baginda ialah menguasai Thrace (Greek) dan Macedonia pada tahun 1365, menguasai Adrinople (Edirne) di Greek pada tahun 1369, menguasai Balkan pada tahun 1373, menguasai Serres (Greek) pada tahun 1383, menguasai Sofia (Bulgaria) pada tahun 1385, menguasai Nish (Bulgaria) pada tahun 1386, dan menguasai Thessaloniki (Greek) pada tahun 1387.⁹ Baginda juga merupakan Sultan Turki Uthmaniyyah pertama yang mati dalam medan peperangan apabila terbunuh dalam Perang Kosovo pada 15 Jun 1389.

Pengganti Murad I ialah putera baginda iaitu Bayezid I (1389-1402). Baginda pernah menggelarkan diri baginda sebagai *Sultan al-Rum* (Sultan Byzantine) pada tahun 1395 setelah menguasai beberapa wilayah Byzantine.¹⁰ Baginda pernah memenangi Perang Nicopolis (Nicopol) di Bulgaria menentang tentera salib pada tahun 1396, sebelum menguasai Karaman pada tahun 1397 dan Sivas pada tahun 1398 di Anatolia. Namun baginda akhirnya dikalahkan oleh Tamerlane atau Timurlane (136-1405) dari Uzbekistan di Asia Tengah dalam Perang Ankara pada tahun 1402.¹¹ Baginda merupakan Sultan Turki Uthmaniyyah pertama dan satu-satunya pemerintah Turki yang pernah ditawan dalam perang. Baginda kemudian dibawa ke Samarkand (Uzbekistan) dan meninggal dunia ketika dalam tahanan pada tahun 1403.

Selepas kematian Bayezid I, berlaku perang saudara antara putera baginda yang digelar sebagai zaman “*Ottoman Interregnum*” (1402-1413). Dalam perang tersebut, putera bongsu baginda iaitu Mehmed Celebi berjaya memenangi peperangan tersebut dan berjaya mengalahkan semua adik-beradik tirinya iaitu Suleyman, Isa dan Musa,¹² sebelum Mehmed dilantik sebagai pemerintah yang baharu dengan gelaran Mehmed I (1413-1421). Pemerintahan awal baginda berdepan dengan konflik dalaman, khususnya pemberontakan daripada gabenor wilayah seperti Karaman. Baginda berjaya menguasai Konya pada tahun 1415 diikuti Saruhan dan sebahagian Aydin. Baginda kemudian berdepan dengan pemberontakan yang berlaku di Bulgaria dan Karaburun di Anatolia, sebelum kedua-dua pemberontakan berjaya ditamatkan.¹³

Kematian Mehmed I pada tahun 1421 menyaksikan takta Turki Uthmaniyyah dipegang oleh putera baginda, Murad II (1421-1444, 1446-1451). Antara sumbangan baginda ialah menguasai Menteshe (berhampiran Laut Aegean) pada tahun 1425 dan menguasai Samsun dan Germiyan di Anatolia pada tahun 1428.¹⁴ Baginda juga berjaya menguasai Ioannina (Greek) pada tahun 1430, menguasai Albania pada tahun 1433, dan menguasai Serbia pada tahun 1439. Pada tahun 1440, baginda terpaksa membuat perjanjian damai dengan Hungary, selain kerajaan Serbia dan Karaman (Anatolia).¹⁵ Murad II kemudian meletak jawatan pada tahun 1444 bagi memberi peluang kepada puteranya yang berumur 12 tahun, Mehmed sebagai pemerintah Turki Uthmaniyyah.

Namun begitu, Murad II memegang semula jawatan khalifah pada tahun 1446. Tindakan tersebut dikaitkan dengan pemberontakan Janissari (tentera elit Turki Uthmaniyyah) yang tidak mampu dikawal oleh Mehmed II, sehingga mengakibatkan kebakaran besar yang hampir memusnahkan Edirne (Greek).¹⁶ Peristiwa tersebut menyebabkan Grand Vizier (Perdana Menteri) Halil Chandarli memanggil semula Murad II untuk menyelesaikan isu tersebut. Pada tahun 1447, baginda berjaya menguasai Peloponnesos (Greek) serta menguasai Arta (Greek) pada tahun 1448.¹⁷ Kematian baginda pada tahun 1451 menyaksikan putera baginda, Mehmed II kembali memerintah kerajaan Turki Uthmaniyyah.

Zaman kegemilangan dan pengukuhan kerajaan Turki Uthmaniyyah atau sering digelar sebagai “Pax Ottomana” (1453-1566) bermula ketika pemerintahan Mehmed II (1451-1481) selepas baginda kembali memegang kuasa buat kali kedua. Antara sumbangan besar baginda ialah kejayaan menguasai ibu kota

⁸ Mehrdad Kia (2008), *The Ottoman Empire*, Westport, Connecticut: Greenwood Press, h. 3.

⁹ Selcuk Aksin Somel (2003), *Historical Dictionary of the Ottoman Empire*, h. 198.

¹⁰ Mehrdad Kia (2008), *The Ottoman Empire*, h. 3.

¹¹ Daniel Goffman (2004), *The Ottoman Empire and Early Modern Europe*, New York: Cambridge University Press, h. 45.

¹² Dimitris J. Kastritsis (2007), *The Sons of Bayezid: Empire Building and Representation in the Ottoman Civil War of 1402–1413*, Leiden: Brill, h. 155.

¹³ Mehrdad Kia (2008), *The Ottoman Empire*, h. 30.

¹⁴ Daniel Goffman (2004), *The Ottoman Empire and Early Modern Europe*, h. 50.

¹⁵ Julian Chrysostomides (2009), “The Byzantine Empire from the Eleventh to the Fifteenth Century,” dalam Kate Fleet (ed.), *The Cambridge History of Turkey*, Vol. I, New York: Cambridge University Press, h. 48.

¹⁶ Gabor Agoston (2009), “Murad II,” dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 401.

¹⁷ Colin Imber (2002), *The Ottoman Empire, 1300–1650*, h. 27.

Empayar Byzantine, Constantinople dengan mengepung kota tersebut selama tiga hari.¹⁸ Kota tersebut akhirnya berjaya dikuasai oleh tentera Mehmed II pada 29 Mei 1453. Nama Constantinople kemudian ditukar kepada “Islambul” atau “Istanbul” yang bermaksud ‘bandar Islam’.¹⁹ Kejayaan tersebut telah melayakkan baginda digelar sebagai salah seorang pemerintah Turki Uthmaniyyah yang hebat apabila berjaya menguasai Constantinople yang gagal dicapai oleh pemerintah sebelum ini.

Antara sumbangan Mehmed II yang lain ialah menguasai Serbia pada tahun 1458, menguasai sebahagian besar Peloponnesos (Greek) pada tahun 1460, dan menguasai Trabzon (Greek) pada tahun 1461, sekali gus menyaksikan wilayah terakhir Empayar Byzantine berjaya dikuasai.²⁰ Baginda juga berjaya menguasai Pulau Lesbos (Greek) pada tahun 1462, menguasai Bosnia pada tahun 1463, diikuti Bosnia dan Herzegovina pada tahun 1466. Baginda turut menguasai semula Karaman (Anatolia) pada tahun 1468, menguasai semula Peloponnesos (Greek) pada tahun 1470, selain berjaya mengalahkan tentera Uzun Hasan dari Parsi di Bayburt (Anatolia) pada tahun 1473, dan menguasai Crimea (Ukraine) pada tahun 1475.²¹ Baginda meninggal dunia pada tahun 1481 ketika membuat persiapan untuk menyerang kerajaan Mamluk di Syria dan Mesir.

Selepas kematian Mehmed II, putera baginda iaitu Bayezid II (1481-1512) menjadi pemerintah Turki Uthmaniyyah yang baharu. Cabaran pertama yang baginda hadapi ialah perang saudara dengan adik tirinya Jem. Antara kejayaan baginda ialah berjaya menguasai Kilia dan Akkerman (Ukraine). Baginda kemudian berperang dengan kerajaan Mamluk pada tahun 1485, sebelum kerajaan Mamluk menuntut perjanjian damai pada tahun 1491.²² Baginda turut menyerang kerajaan Venice di Itali pada tahun 1499, sebelum mengadakan perjanjian damai pada tahun 1503. Pada tahun 1512, baginda digulingkan oleh puteranya, Selim dan meninggal dunia pada tahun yang sama.

Selim I (1512-1520) pula dipilih sebagai sultan yang baharu setelah kematian Bayezid II pada tahun 1512. Baginda juga sering dianggap sebagai sultan Turki pertama yang melaksanakan amalan membunuh putera sultan yang lain dan waris lelaki sebaik sahaja menjadi sultan.²³ Amalan tersebut hanya dibenarkan berdasarkan kod undang-undang yang digubal oleh Mehmed II bahawa putera raja yang bakal menaiki takhta dibenarkan membunuh saudara lelakinya bagi menjamin kestabilan dan kelangsungan dinasti.²⁴ Akibatnya, baginda bukan sahaja membunuh semua adik-beradik lelaki dan anak saudara lelaki sebaik sahaja menjadi sultan, malah membunuh semua empat anak lelaki baginda selain Suleyman sebagai pewaris tunggal.

Antara sumbangan Selim I ialah mengalahkan pemerintah Parsi, Shah Ismail dalam Perang Caldiran di Caldiran (Azerbaijan) pada tahun 1514 seterusnya menguasai timur Anatolia dan utara Iraq, menguasai Dulgadir dan Adana (selatan Anatolia) pada tahun 1514,²⁵ serta menguasai Diyarbekir (selatan Anatolia) pada tahun 1516. Baginda juga berjaya mengalahkan pemerintah kerajaan Mamluk, Qansuh Ghawri di Syria pada tahun 1516, seterusnya berjaya menguasai bandar utama seperti Aleppo, Damsyiq, Lubnan dan Jerusalem, termasuklah Baitul Maqdis yang sebelum itu berada di bawah pengusahaan kerajaan Mamluk di Mesir. Baginda juga berjaya menguasai Mesir apabila menewaskan pemerintah baharu kerajaan Mamluk, Tumanbay di Kaherah pada tahun 1517. Baginda turut berjaya menguasai Hejaz (Makkah dan Madinah) pada tahun 1517, seterusnya memperkenalkan jawatan Sharif Makkah.²⁶

¹⁸ Bernard Lewis (1963), *Istanbul and the Civilization of the Ottoman Empire*, Norman, Oklahoma: University of Oklahoma Press, h. 26.

¹⁹ J. Nicolle, J. Haldon & S. Turnbull (2007), *The Fall of Constantinople: The Ottoman Conquest of Byzantium*, Oxford: Osprey Publishing, h. 174.

²⁰ Gilles Veinstein (2013), “The Great Turk and Europe,” dalam John Tolan, Gilles Veinstein & Henry Laurens (ed.), *Europe and the Islamic World: A History*, New Jersey: Princeton University Press, h. 133.

²¹ Colin Heywood (2009), “Mehmed II,” dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 367.

²² Colin Imber (2002), *The Ottoman Empire, 1300–1650*, h. 40.

²³ Amalan membunuh saudara lelaki dalam keluarga diraja disebut sebagai “fratricide” di Barat dan turut diamalkan oleh kerajaan lain di Eropah seperti Sasanid, Rom, dan Byzantine, termasuk dalam kerajaan Islam seperti yang diamalkan di beberapa negeri dalam kerajaan Bani Umayyah di Andalusia (Sepanyol). Lihat V.J. Parry (1976), “The Period of Murad IV, 1617-48,” dalam M.A. Cook (ed.), *A History of the Ottoman Empire to 1730*, Cambridge: Cambridge University Press, h. 134.

²⁴ Zeynep Tarim-Ertug (2009), “Enthronement and Accession Ceremony (*Culus*)” dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 207. Terdapat juga sarjana yang berpendapat bahawa sultan Turki pertama yang melaksanakan amalan tersebut ialah Mehmed II (1444-1446, 1451-1481) atau Sultan Muhammad al-Fatih. Lihat Donald Quataert, *The Ottoman Empire, 1700-1922*, New York: Cambridge University Press, 2005, h. 91. Selain itu, terdapat juga sarjana yang berpendapat bahawa amalan tersebut telah dimulakan lebih awal oleh Bayezid I (1389-1403). Lihat Feroz Ahmad (2003), *Turkey: The Quest for Identity*, Oxford: Oneworld Publications, h. 6.

²⁵ Colin Imber (2002), *The Ottoman Empire, 1300–1650*, h. 46.

²⁶ Barbarossa kemudian dilantik untuk mengetuai angkatan laut kerajaan Turki Uthmaniyyah sebagai Laksamana Agung pada tahun 1533. Lihat Mehrdad Kia (2008), *The Ottoman Empire*, h. 162.

Baginda turut menguasai Tunisia dan Algeria di utara Afrika yang kemudiannya menjadi wilayah kerajaan Turki Uthmaniyah di bawah pimpinan Hayreddin Barbarossa pada tahun 1519. Baginda meninggal dunia pada tahun 1520.

Putera Selim I iaitu Suleyman I (1520–1566) kemudian berjaya menaiki takhta dengan mudah kerana baginda merupakan satu-satunya anak lelaki Selim I yang masih hidup setelah semua adik-beradik lelaki yang lain telah dibunuh. Suleyman I juga terkenal kerana mempunyai seorang isteri bernama Hürrem Sultan atau dikenali sebagai Roxelana di Barat. Beliau merupakan antara permaisuri yang paling berkuasa dalam sejarah kerajaan tersebut.²⁷ Antara sumbangan besar baginda ialah menguasai Belgrade (Serbia) pada tahun 1521, dan menguasai Pulau Rhodes (Greek) pada tahun 1522. Pada masa yang sama, Hungary menjadi negeri naungan kerajaan Turki Uthmaniyah pada tahun 1526.²⁸ Baginda juga telah terlibat dalam Perang Vienna (Austria) menentang kerajaan Habsburg (Austria) yang dianggap sebagai ‘pintu gerbang Eropah’ pada tahun 1529, namun gagal kerana cuaca buruk dan tentera yang keletihan kerana terlalu lama berperang. Baginda juga berjaya menguasai wilayah kerajaan Safavid (Parsi) iaitu Tabriz di Parsi dan Baghdad di Iraq pada tahun 1534. Baginda juga berjaya menguasai Erzurum dan Van di Anatolia pada tahun 1536. Baginda turut menyerang Venice pada tahun 1537, dan bekerjasama dengan Raja Perancis, Francis I untuk menyerang wilayah kerajaan Hasburg di Itali pada tahun 1537, namun gagal. Baginda juga berjaya menguasai Tripoli (Libya) pada tahun 1551, serta menguasai Pulau Chios di Laut Aegean. Baginda kemudian menyerang kerajaan Safavid pada tahun 1533, sebelum mengarahkan pembunuhan puteranya bernama Mustafa pada 5 Oktober 1533 kerana disyaki cuba merampas kuasa.²⁹ Baginda meninggal dunia pada tahun 1566 ketika sedang menyerang Hungary.

Sebagai satu-satunya putera tunggal Suleyman I, Selim II (1566–1574) kemudian dilantik sebagai pemerintah yang baharu. Terdapat sarjana yang berpendapat bahawa pemerintahan Selim II merupakan permulaan kepada kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyah. Hal ini kerana ketika itu, *Grand Vizier* (Perdana Menteri) Sokollu Mehmed Paşa yang juga menantunya sering dianggap sebagai pemerintah sebenar kerajaan Turki Uthmaniyah.³⁰ Antara cabaran terbesar yang terpaksa beliau hadapi ialah isu peperangan di Hungary, pemberontakan Imam Zaydi di Yaman, dan pemberontakan masyarakat Arab di utara Basrah (Iraq). Antara kawasan yang ditakluki ketika pemerintahan Selim II ialah Cyprus pada tahun 1573, serta menguasai Tunisia daripada Sepanyol pada tahun 1574.³¹ Baginda meninggal dunia pada tahun 1574.

Pengganti Selim II ialah putera baginda iaitu Murad III (1574–1595). Sebaik sahaja dipilih sebagai sultan, baginda telah membunuh semua lima adik-beradik lelaki baginda yang masih kecil.³² Baginda juga merupakan sultan Turki Uthmaniyah terakhir yang meneruskan tradisi menghantar putera raja untuk menjadi *Sanjak* (gabenor wilayah) di wilayah kerajaan Turki Uthmaniyah yang sangat luas, malah baginda sendiri merupakan bekas Gabenor Manisa (barat Anatolia). Antara sumbangan baginda ialah melancarkan serangan terhadap kerajaan Safavid pada tahun 1578, dan menguasai Shirvan (timur Anatolia) dan Dagestan (Rusia) dan Erivan (Armenia) pada tahun 1583, menguasai semula Tabriz (Parsi) pada tahun 1585, dan menguasai Georgia pada tahun 1587.³³ Selepas tahun 1590, pelbagai konflik mula bermula dalam pemerintahan baginda, antaranya ialah kekalahan tentera baginda kepada kerajaan Moldavia (Romania) dan kerajaan Wallachia (Romania) pada tahun 1595. Baginda meninggal dunia pada tahun 1595.

²⁷ Christine Isom-Verhaaren (2016), “Mihrimah Sultan: A Princess Constructs Ottoman Dynastic Identity,” dalam Christine Isom-Verhaaren & Kent F. Schull (ed.), *Living in the Ottoman Realm: Empire and Identity, 13th to 20th Centuries*, Indiana, USA: Indiana University Press, h. 152-153.

²⁸ Colin Imber (2002), *The Ottoman Empire, 1300–1650*, h. 48.

²⁹ Gabor Agoston (2009), “Suleyman I,” dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 545.

³⁰ Sefik Peksevgen (2009), “Selim II,” dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 513.

³¹ Colin Imber (2002), *The Ottoman Empire, 1300–1650*, h. 63.

³² Baki Tezcan (2010), *The Second Ottoman Empire: Political and Social Transformation in the Early Modern World*, New York: Cambridge University Press, h. 46.

³³ Colin Imber (2002), *The Ottoman Empire, 1300–1650*, h. 66.

Putera Murad III, iaitu Mehmet III (1595–1603) kemudian menaiki takhta kerajaan Turki Uthmaniyyah. Baginda dikatakan antara sultan Turki yang ‘paling kejam’ dalam sejarah kerajaan tersebut apabila bertindak membunuh semua 19 saudara lelaki baginda sebaik sahaja menaiki takhta pada tahun 1595.³⁴ Baginda juga merupakan Sultan Turki Uthmaniyyah terakhir yang berpengalaman menjadi gabenor daerah sebelum dilantik sebagai sultan.³⁵ Baginda berkuasa ketika kerajaan Turki Uthmaniyyah sedang berdepan konflik dengan beberapa kerajaan besar seperti Habsburg dan Hungary. Pada tahun 1601, Yerevan (Armenia) dikuasai oleh kerajaan Savafid (Parsi). Antara sumbangan baginda ialah menguasai wilayah Hungary seperti Eger (1596) dan Csanad (1598), dan menguasai Kanizsa (Hungary) pada tahun 1600.³⁶ Sebelum itu, Permaisuri England, Elizabeth I pernah menghantar rombongan membawa hadiah kepada baginda pada tahun 1599.³⁷ Baginda meninggal dunia pada tahun 1603 ketika berumur 37 tahun.

Kematian Mehmed III menyaksikan Ahmed I (1603–1617) yang berumur 13 tahun ketika itu menaiki takhta sebagai sultan yang baharu. Baginda dianggap sebagai pemerintah yang lemah kerana tidak pernah berkhidmat sebagai *Sanjak* (gabenor daerah) di wilayah Turki Uthmaniyyah. Namun baginda juga diingati kerana tidak meneruskan amalan membunuh semua waris lelaki sebaik sahaja menjadi sultan apabila tidak membunuh satu-satunya adik lelaki baginda iaitu Mustafa, sebaliknya dikurung di dalam istana sehingga ke akhir hayat.³⁸ Antara sumbangan baginda ialah menguasai Esztergom (Hungary) pada tahun 1605. Baginda juga berdepan dengan Pemberontakan Jelali yang tercetus di Tokat, Anatolia pada tahun 1596 sebelum berjaya dikawal sekitar tahun 1609. Baginda juga telah menandatangani Perjanjian Sivtavorok dengan kerajaan Habsburg pada tahun 1606. Perjanjian damai berikutnya dibuat dengan kerajaan Safavid pada tahun 1612. Baginda juga terkenal dengan pembinaan monumen besar khususnya pembinaan Masjid Biru atau Masjid Sultan Ahmed yang dibina pada tahun 1609 di Istanbul. Sultan Ahmed dikatakan mengarahkan pembinaan masjid tersebut sempena kejayaan tentera baginda menamatkan Pemberontakan Jelali pada tahun 1609.³⁹ Masjid tersebut hanya siap dibina pada tahun 1616, iaitu setahun sebelum kematian baginda pada tahun 1617 ketika berusia 27 tahun.

Adik kandung Ahmed I, Mustafa I (1617–1618) kemudian dipilih sebagai sultan yang baharu kerana semua putera baginda masih belum dewasa. Pertabalan Mustafa I mencatat sejarah baharu apabila buat pertama kalinya dalam sejarah kerajaan tersebut, bakal sultan dipilih daripada waris yang paling tua.⁴⁰ Dalam hal ini, saudara lelaki sultan iaitu Mustafa I yang lebih tua dilantik menjadi sultan yang baharu berbanding putera Ahmed I iaitu Osman yang masih kecil. Namun Mustafa I dianggap sebagai pemerintah yang lemah dan hanya sempat memerintah sekitar tiga bulan sahaja sebelum digulingkan. Antara sumbangan baginda ketika itu ialah menyelamatkan wilayah timur dalam kerajaan tersebut daripada jatuh ke tangan kerajaan Safavid dengan menandatangani perjanjian damai pada tahun 1618. Malah baginda juga telah memimpin serangan terhadap kerajaan Moldavia (Romania) pada tahun 1618. Namun baginda dikatakan mengalami masalah mental kerana pernah dilihat menarik serban menteri dan mencabut janggut mereka tanpa sebab, serta melemparkan duit syiling kepada burung dan ikan ketika sedang menaiki kapal. Perlakuan pelik baginda pernah dilihat sendiri oleh orang awam, sehingga menggusarkan pihak istana.⁴¹ Baginda juga menjadi Sultan Turki Uthmaniyyah pertama dalam sejarah kerajaan tersebut yang diturunkan takhta kerana mengalami masalah mental apabila digulingkan pada tahun 1618.

Penggulingan Mustafa I menyaksikan anak saudara baginda dan putera Ahmed I iaitu Osman II (1618–1622), yang ketika itu berusia 14 tahun dilantik menjadi sultan yang baharu. Sebagai sultan yang masih muda dan kurang pengalaman, baginda bercita-cita tinggi untuk mengembalikan semula kegemilangan kerajaan Turki Uthmaniyyah sebagaimana pengasas kerajaan tersebut, Osman dan kehebatan Suleiman I yang berjaya meluaskan empayar kerajaan tersebut.⁴² Pada tahun 1620, baginda mengambil langkah pertama dengan menyerang kerajaan Poland dan memenangi pertempuran pada peringkat awal. Namun

³⁴ V.J. Parry (1976), “The Period of Murad IV, 1617–48,” h. 134. Antara yang dibunuh ialah putera sulung baginda iaitu Mahmud pada tahun 1603 kerana disyaki cuba merampas kuasa. Lihat Mehrdad Kia (2017), *The Ottoman Empire: A Historical Encyclopedia*, Vol. 1, Santa Barbara, California: ABC-CLIO, h. 133.

³⁵ Gunhan Borekci (2009), “Ahmed I,” dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 22.

³⁶ Colin Imber (2002), *The Ottoman Empire, 1300–1650*, h. 70.

³⁷ Gerald MacLean & Nabil Matar (2011), *Britain and the Islamic World, 1558–1713*, New York: Oxford University Press, h. 45–47.

³⁸ Gunhan Borekci (2009), “Ahmed I,” h. 22.

³⁹ Colin Imber (2002), *The Ottoman Empire, 1300–1650*, h. 76.

⁴⁰ Gunhan Borekci (2009), “Ahmed I,” h. 22.

⁴¹ Ebru Boyar & Kate Fleet (2010), *A Social History of Ottoman Istanbul*, New York: Cambridge University Press, h. 42–43.

⁴² Stephen Turnbull (2003), *The Ottoman Empire, 1326–1699*, London: Osprey, h. 82.

Kerajaan Turki Uthmaniyyah dan Sumbangannya dalam Bidang Sosiopolitik Abad Ke-14 hingga Abad Ke-20 kekalahan tentera kerajaan Turki Uthmaniyyah terhadap kerajaan Poland dalam perempuran berikutnya menyaksikan baginda terpaksa menandatangani perjanjian damai dengan Raja Poland, Raja Sigismund pada tahun 1621.⁴³ Namun begitu, keengganan baginda mengikuti kehendak pasukan Janisari menyebabkan baginda akhirnya digulingkan dan dibunuh oleh pasukan Janisari pada tahun 1622.

Kematian Osman II menyaksikan bapa saudara baginda iaitu Mustafa I sekali lagi dilantik sebagai sultan yang baharu dan sempat memerintah selama 15 bulan. Ketika pemerintahan kali kedua, Mustafa I (1622–1623) telah menjalankan beberapa dasar pemerintahan yang lemah sehingga menyebabkan berlaku ketidakstabilan dalam negara akibat persaingan antara gabenor. Pada masa yang sama, pentadbiran negara juga sebenarnya dikawal oleh *valide sultan* (ibu sultan), Kösem Sultan. Tindakan Gabenor Erzurum, Mehmed Pasha bertindak menguasai beberapa wilayah seperti Sebin Karahisar, Sivas, Ankara dan Bursa juga telah menyebabkan kekacauan dalam negara. Malah pada masa yang sama, negara juga mengalami masalah kewangan yang serius sehingga tidak mampu membayar gaji tentera dan pegawai kerajaan. Bagi mengelakkan konflik yang lebih teruk, sekumpulan ulama Turki akhirnya mengambil keputusan untuk menggulingkan baginda. Pada 10 September 1623, Mustafa I akhirnya telah digulingkan.⁴⁴ Tindakan tersebut terpaksa diambil bagi mengembalikan semula keamanan dan kestabilan dalam negara yang terancam akibat kelemahan pentadbiran Mustafa I.

Penggulingan Mustafa I menyaksikan anak saudara baginda dan putera Ahmed I iaitu Murad IV (1623–1640) dilantik sebagai sultan yang baharu. Seperti abangnya Osman II, baginda juga menaiki takhta dalam usia yang sangat muda iaitu ketika berumur sembilan tahun. Baginda yang memerintah sendiri pada tahun 1632 iaitu ketika berumur 18 tahun. Antara sumbangan baginda ialah menyerang kerajaan Safavid (Parsi) dan menguasai Azerbaijan, Tabriz, Hamadan dan Darguzin di Parsi pada tahun 1630. Baginda juga berjaya menguasai semula Baghdad dari kerajaan Safavid pada tahun 1639.⁴⁵ Baginda juga mengharamkan penjualan kopi dan tembakau khususnya di kedai-kedai kopi berdasarkan nasihat beberapa ulama yang dianggap sebagai punca kepada kebakaran besar pada tahun 1633 yang melibatkan lebih 20,000 buah rumah, kedai dan bangunan kerajaan melibatkan hampir 1/4 daripada keluasan bandar Istanbul.⁴⁶ Malah sesiapa yang ditangkap akibat menghisap tembakau juga akan dijatuhi hukuman mati.⁴⁷ Namun kerajaan Turki Uthmaniyyah kemudian menandatangani perjanjian damai dengan kerajaan Safavid pada 17 Mei 1639 yang menamatkan pertempuran sejak tahun 1603.⁴⁸ Dalam perjalanan pulang selepas menguasai Baghdad, baginda jatuh sakit dan meninggal dunia pada tahun 1640.

Ibrahim I (1640–1648) yang merupakan adik kepada Murad IV dan putera Ahmed I kemudian dipilih sebagai Sultan Turki. Baginda sering dikenali sebagai “Ibrahim the Mad” kerana disyaki mengalami masalah mental.⁴⁹ Masalah tersebut dikatakan berpunca daripada trauma akibat tindakan abangnya Murad IV yang bertindak membunuh semua putera Ahmed I yang lain iaitu Suleyman, Bayezid dan Kasim setelah menaiki takhta, dan hanya meninggalkan baginda dengan dikenakan tahanan dalam istana. Akibatnya, baginda menjadi trauma kerana memikirkan baginda mungkin menjadi mangsa pembunuhan yang seterusnya. Ibrahim I juga dikenali sebagai pemerintah yang lemah, dan pentadbiran negara banyak dilaksanakan oleh Grand Vizier Kara Muṣṭafā Pasha. Pada tahun 1641, baginda menandatangani perjanjian penyerahan hak dan keistimewaan (*Capitulation*) kepada kerajaan duta dan konsul British yang diwakili oleh Sir Sackville Crow.⁵⁰ Pada tahun 1645, tentera baginda telah menyerang Crete, selain mewujudkan konflik dengan Venice.⁵¹ Baginda kemudian dibunuh pada 18 Ogos 1648 atas arahan pasukan Janisari.⁵² Selepas kematian Ibrahim I, kerajaan Turki Uthmaniyyah mula

⁴³ Colin Imber (2002), *The Ottoman Empire, 1300–1650*, h. 78.

⁴⁴ Stanford Shaw (1997), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, Vol. 1, Cambridge: Cambridge University Press, h. 193-194.

⁴⁵ Colin Imber (2002), *The Ottoman Empire, 1300–1650*, h. 82.

⁴⁶ Menurut Murad IV, kebakaran besar tersebut merupakan satu ‘amaran’ daripada Tuhan akibat kelemahan rakyat Turki yang meninggalkan ajaran agama, serta lalai dengan kesenangan dunia termasuklah terlaluasyik meminum kopi dan menghisap tembakau. Lihat Stanford Shaw (1997), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, h. 198.

⁴⁷ Colin Imber (2002), *The Ottoman Empire, 1300–1650*, h. 81.

⁴⁸ Stanford Shaw (1997), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, h. 199.

⁴⁹ Colin Imber (2002), *The Ottoman Empire, 1300–1650*, h. 82.

⁵⁰ SP 108/540, Original Capitulations Granted to the English Nation, As Confirmed by Sultan Ibrahim I to Sir Sackville Crow, 28 Oktober 1641. Perjanjian seperti itu juga pernah ditandatangani antara kerajaan Turki Uthmaniyyah dengan wakil kerajaan Perancis dan Venice. Lihat R. Walsh (1836), *A Residence at Constantinople: During a Period Including the Commencement, Progress and Termination of the the Greek and and Turkish Revolutions*, Vol. 2, London: Frederick Westley and A. H. Davis, h. 526.

⁵¹ Stanford Shaw (1997), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, h. 201.

⁵² Hal ini disebabkan berlakunya gempa bumi besar di Istanbul yang dianggap sebagai satu ‘amaran’ daripada Tuhan disebabkan kelemahan pemerintah. Lihat Colin Imber (2002), *The Ottoman Empire, 1300–1650*, h. 85.

mengalami zaman kemunduran disebabkan ketiadaan pemerintah yang berkaliber, kegagalan bersaing dengan kuasa Barat dari segi ketenteraan, serta kegagalan melakukan pembaharuan.

Putera Ibrahim I iaitu Mehmed IV (1648–1687) pula menaiki takhta ketika berumur enam tahun. Namun baginda telah menyerahkan urusan pemerintahan kepada Grand Vizier yang berasal dari Albania iaitu Mehmed Köprülü (1656-1661) dan anaknya Fazil Ahmed Köprülü (1661-1676). Baginda juga telah berusaha untuk menghapuskan sistem devshirme.⁵³ Pada tahun 1663, tentera baginda berjaya mengalahkan tentera kerajaan Transylvania (Romania) yang cuba meluaskan wilayah mereka sekali gus mengancam wilayah taklukan kerajaan Uthmaniyah di kawasan Balkan.⁵⁴ Tentera baginda di bawah pimpinan Grand Vizier Fazil Ahmed Köprülü juga berjaya menguasai Crete daripada kerajaan Venice pada tahun 1669.⁵⁵ Tentera baginda juga telah menyerang kerajaan Poland pada tahun 1672 dan berterusan selama lima tahun. Pada tahun 1683, tentera baginda telah menyerang kerajaan Habsburg di Vienna dan cuba menguasai Vienna yang tidak pernah dikuasai oleh mana-mana Sultan Turki sebelum ini. Serangan dimulakan pada bulan Jun 1683 dan berjaya menguasai ibu negara kerajaan Habsburg pada bulan Julai, namun akhirnya terpaksa mengundurkan diri pada bulan September 1683.⁵⁶ Baginda akhirnya digulingkan oleh pasukan Janisari berdasarkan fatwa *Seyhulislam* (Mufti Besar) kerana gagal menjalankan tugas sebagai sultan pada tahun 1687. Pada tahun 1693, baginda meninggal dunia di Istana Edirne.

Selepas itu, Suleiman II (1687-1691) pula dilantik sebagai Sultan Turki. Baginda merupakan adik kepada Mehmed IV dan putera kepada Ibrahim I. Baginda hidup dalam institusi harem selama hampir 40 tahun sehingga menyebabkannya menjadi trauma bahawa kemungkinan baginda bakal menjadi mangsa pembunuhan oleh sultan yang memerintah. Seperti abangnya, urusan pentadbiran negara ketika itu banyak dikendalikan oleh Grand Vizier, Fazil Mustafa Köprülü (1689-1691). Pada tahun 1687, tentera Suleiman II terlibat dalam *Battle of Mohács II* melawan kerajaan Hungary.⁵⁷ Pada tahun 1689, tentera baginda menentang kerajaan Hasburgs (Austria). Pada tahun 1690, baginda berjaya menguasai Nis, Semendria, dan Belgrade daripada kerajaan Serbia.⁵⁸ Baginda akhirnya meninggal dunia pada 22 Jun 1691.

Pengganti Suleiman II ialah Ahmed II (1691-1695) yang merupakan adik kepada Suleiman II. Seperti abangnya, pentadbiran negara turut dikendalikan oleh Grand Vizier iaitu Fazıl Mustafa Köprülü (1689-1691), namun beliau meninggal dunia dalam *Battle of Slankamen*. Zaman pemerintahan baginda menyaksikan wilayah kerajaan Turki Uthmaniyah semakin mengecil apabila Varad (kini di Romania) jatuh ke tangan Empayar Habsburg pada tahun 1692. Baginda akhirnya meninggal dunia pada tahun 1695.

Kematian Ahmed II menyaksikan Mustafa II (1695-1703) yang merupakan anak saudara baginda dan anak lelaki kepada Mehmed IV dilantik sebagai Sultan Turki Uthmaniyah yang baharu. Pada tahun 1695, tentera baginda menguasai Lipova daripada Empayar Habsburg (Austria) diikuti Timișoara (Romania) dalam *Battle of Ulaş* pada tahun 1696. Namun begitu, tentera Turki Uthmaniyah mengalami kekalahan dalam *Battle of Zenta* di Serbia pada tahun 1697. Tahun 1699 menyaksikan satu peristiwa besar berlaku apabila kekalahan tentera baginda kepada Hungary menyaksikan baginda terpaksa menandatangani *Treaty of Karlowitz*, sekali gus kehilangan wilayah Hungary kepada Austria, selain Athens dan Peloponnesos kepada Venice.⁵⁹ Baginda juga terpaksa menandatangani perjanjian damai dengan Rusia di bawah pemerintahan Peter The Great (1689-1725) pada 15 Julai 1700.⁶⁰ Perjanjian tersebut akhirnya melengkapkan ‘pengunduran’ kerajaan Turki Uthmaniyah dari benua Eropah, sekali gus menamatkan penguasaan kerajaan Turki Uthmaniyah di pentas Eropah hampir 300 tahun. Pada tahun 1703, baginda digulingkan oleh pasukan tentera, manakala takhta diserahkan kepada adiknya, Putera Ahmed.

⁵³ Sistem devshirme ialah sebuah sistem cukai yang merekrut kanak-kanak bukan Islam khususnya Kristian dalam wilayah kerajaan Turki Uthmaniyah ke dalam pentadbiran dan ketenteraan kerajaan secara sukarela yang diamalkan sejak akhir abad ke-14 lagi. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk artikel ini pada bahagian ‘Sumbangan Kerajaan Turki Uthmaniyah dalam Bidang Sosial’.

⁵⁴ Stanford Shaw (1997), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, h. 210.

⁵⁵ Colin Imber (2002), *The Ottoman Empire, 1300–1650*, h. 85.

⁵⁶ Sila lihat, “The Turks and the Turkish Empire,” *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 18 Mei 1897, h. 4.

⁵⁷ Stephen Turnbull (2003), *The Ottoman Empire, 1326-1699*, h. 90.

⁵⁸ Stanford Shaw (1997), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, h. 221.

⁵⁹ Colin Imber (2002), *The Ottoman Empire, 1300–1650*, h. 86.

⁶⁰ Stanford Shaw (1997), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, h. 224.

Ahmed III (1703-1730) yang menggantikan Mustafa II pula pernah memenangi beberapa peperangan di Eropah. Pada tahun 1709, Raja Sweden iaitu Charles XII telah menjadi tawanan kerajaan Turki Uthmaniyyah. Pada tahun 1711, tentera baginda berjaya menewaskan tentera Rusia dalam *Battle of Prut* di Moldavia, namun terpaksa menandatangani perjanjian damai dengan Rusia pada tahun 1713. Pada tahun 1714, tentera Ahmed III berperang dengan Venice sehingga tahun 1718. Tahun 1717 pula menyaksikan Belgrade berjaya dikuasai oleh tentera baginda. Namun begitu, Ahmed III kalah dalam *Austro-Turkish War* melawan Empayar Habsburg pada tahun 1718, sekali gus terpaksa menandatangani *Treaty of Passarowitz*. Pada tahun 1723, kerajaan Turki Uthmaniyyah berperang dengan Empayar Safavid, sekali gus menyaksikan tentera baginda berjaya menguasai Azerbaijan, Hamadan dan Tabriz.⁶¹ Pada tahun 1730, berlaku pemberontakan pimpinan Patrona Halil, bekas anggota Janisari sehingga mengakibatkan Ahmed III digulingkan pada tahun yang sama.

Kerajaan Turki Uthmaniyyah kemudian diperintah oleh Mahmud I (1730-1754), putera Mustafa II dan anak saudara Ahmed III. Pada tahun 1731, Patrona Halil dan pengikutnya berjaya dibunuh, sekali gus mewujudkan keamanan di dalam negara.⁶² Pada masa yang sama, Mahmud I berperang dengan kerajaan Parsi dan diakhiri dengan perjanjian damai pada tahun 1732. Pada tahun 1736, tentera baginda berperang dengan kerajaan Rusia dan Austria. Kerajaan Austria akhirnya terpaksa menandatangani perjanjian damai pada tahun 1739. Pada tahun 1742, Mahmud I berperang sekali lagi dengan kerajaan Parsi.⁶³ Namun kedua-dua pihak akhirnya menandatangani perjanjian damai pada tahun 1746. Baginda meninggal dunia pada tahun 1754.

Osman III (1754-1757) yang merupakan putera Mahmud I kemudian menaiki takhta kerajaan Turki Uthmaniyyah menggantikan ayahnya. Namun begitu, pemerintahan kerajaan Turki Uthmaniyyah ketika itu banyak dikendalikan oleh Grand Vizier, Koca Mehmet Ragip Pasha (1699-1763). Baginda juga dilaporkan tidak meminati musik dan mengharamkan sebarang aktiviti melibatkan muzik di Istana Topkapı dan istana lain ketika pemerintahan baginda.⁶⁴ Baginda hanya sempat memerintah selama tiga tahun sahaja, sebelum digantikan oleh Mustafa.

Mustafa III (1757-1774) yang merupakan putera Ahmed III kemudian menggantikan Osman III. Baginda kemudian terlibat dalam perang dengan Rusia pada tahun 1768. Pemerintahan baginda dianggap era keamanan kerana negara Eropah timur terlibat dalam *Seven Years War* (1756-1763), sekali gus mengurangkan ancaman kepada kerajaan Turki Uthmaniyyah. Kerajaan Prussia (Jerman) kemudian telah mengadakan hubungan diplomatik dengan kerajaan Turki Uthmaniyyah pada tahun 1761, khususnya dalam aspek perdagangan. Pada tahun 1768, berlaku perperangan antara kerajaan Turki Uthmaniyyah dengan kerajaan Rusia setelah kenaikan pemerintah kerajaan Rusia yang baharu, Catherine the Great (1762-1797).⁶⁵ Menjelang tahun 1770, hampir keseluruhan bahagian timur Mediterranean berjaya dikuasai oleh kerajaan Rusia, sebelum berakhir dengan perjanjian damai iaitu *Treaty of Küçük Kaynarca* yang ditandatangani pada tahun 1774. Antara kesan penting akibat perjanjian damai tersebut ialah kemerdekaan Crimea.⁶⁶ Baginda juga terpaksa menghadapi Pemberontakan Ali Bey di Mesir pada tahun 1774. Baginda meninggal dunia pada tahun 1774 akibat sakit jantung.

Takhta kerajaan Turki Uthmaniyyah kemudian dipegang oleh Abdul Hamid I (1774-1789), adik kepada Mustafa III dan putera Ahmed III. Antara pembaharuan yang baginda lakukan ialah dalam aspek ketenteraan. Baginda merupakan Sultan Turki pertama yang melantik ramai penasihat ketenteraan Eropah tanpa memaksa mereka mengikuti pemakaian dan pendekatan kerajaan Turki Uthmaniyyah seperti Baron Franqois de Tott (1730-1793) yang berasal dari Hungary tetapi kemudian berkhidmat dalam pasukan tentera Perancis.⁶⁷ Pada tahun 1775, kerajaan Parsi telah melancarkan serangan terhadap kerajaan Turki Uthmaniyyah, namun berjaya dipatahkan.⁶⁸ Tahun 1787 pula menyaksikan kerajaan Turki

⁶¹ Suraiya Faroqhi (2004), *The Ottoman Empire and the World Around It*, New York: I.B. Tauris, h. 31.

⁶² Robert W. Olson (1974), "The Esnaf and the Patrona Halil Rebellion of 1730: A Realignment in Ottoman Politics," *Journal of the Economic and Social History of the Orient*, Vol. 17, No. 3, h. 341.

⁶³ Stanford Shaw (1997), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, h. 246.

⁶⁴ Cem Behar (2006), "The Ottoman Musical Tradition," dalam Suraiya N. Faroqhi (ed.), *The Cambridge History of Turkey*, Vol. 3, Cambridge: Cambridge University Press, h. 396.

⁶⁵ Stanford Shaw (1997), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, h. 246-247.

⁶⁶ Christoph K. Neumann (2006), "Political and Diplomatic Developments," dalam Suraiya N. Faroqhi (ed.), *The Cambridge History of Turkey*, Vol. 3, Cambridge: Cambridge University Press, h. 57-58.

⁶⁷ Stanford Shaw (1997), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, h. 251. Baron Franqois de Tott juga dibantu oleh sebagai pegawai berbangsa Scotland bernama Campbell yang telah memeluk Islam dan menggunakan nama Mustafa, sekali gus dikenali sebagai "Ingiliz Mustafa" atau "Mustafa The Englishman".

⁶⁸ Stanford Shaw (1997), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, h. 254.

Uthmaniyah mengisytiharkan perang terhadap Rusia. Baginda meninggal dunia pada tahun 1789 ketika berumur 64 tahun.

Pemerintahan Selim III (1789-1807), anak saudara Abdul Hamid I dan putera Mustafa III menyaksikan kedudukan kerajaan Turki Uthmaniyah semakin lemah, meskipun baginda banyak melakukan pembaharuan terutamanya dalam aspek ketenteraan dan persenjataan. Tahun 1789 menyaksikan kerajaan Austria berjaya menguasai Belgrade. Pada 4 Ogos 1791, baginda menandatangani perjanjian damai dengan kerajaan Austria, sekali gus menyaksikan wilayah Bosnia dan Serbia diserahkan semula kepada kerajaan baginda. Pada tahun 1792, baginda terpaksa menandatangani perjanjian damai dengan Rusia, sekali gus menyaksikan Dniester (Moldova) menjadi sempadan kepada kedua-dua kerajaan. Tahun 1798 pula menyaksikan pemerintah Perancis, Napoleon Bonaparte menguasai Mesir yang asalnya merupakan wilayah naungan kerajaan Turki Uthmaniyah.⁶⁹ Namun begitu, baginda berjaya menyingkirkan kerajaan Perancis dari Mesir dengan bantuan kerajaan British pada tahun 1801.⁷⁰ Tahun 1805 juga menyaksikan bekas pegawai tentera kerajaan Turki Uthmaniyah yang berasal dari Albania iaitu Muhammad Ali memerintah Mesir sebagai khedive, namun Mesir masih lagi di bawah naungan kerajaan Turki Uthmaniyah.⁷¹ Pada masa yang sama, berlaku penentangan rakyat Turki sendiri termasuklah ulama terhadap pembaharuan baginda yang dianggap bertentangan dengan ajaran Islam. Akibatnya pada tahun 1807, baginda digulingkan oleh pasukan Janisari.

Mustafa IV (1807-1808), sepupu Selim III kemudian menjadi pemerintah kerajaan Turki Uthmaniyah. Namun baginda hanya sempat memerintah lebih kurang setahun sahaja. Pemerintahan baginda menyaksikan pasukan Janisari cuba menghapuskan sebarang cubaan untuk mengubah dasar pemerintahan yang lama.⁷² Tahun 1808 menyaksikan terdapat cubaan oleh penyokong bekas sultan, Selim III untuk melantik semula baginda sebagai sultan, namun baginda kemudian telah dibunuhi.⁷³ Mustafa IV kemudian telah dibunuhi oleh sepupunya, Mahmud.

Sebagai satu-satunya keturunan Uthmaniyah yang masih ada, Mahmud II (1808-1839) kemudian dilantik sebagai pemerintah kerajaan Turki Uthmaniyah. Pada tahun 1812, baginda terlibat dalam perjanjian damai dengan kerajaan Hungary di Hungary dengan bantuan pemerintah Perancis, Napoleon Bonaparte sekali gus menyaksikan Moldavia dan Wallachia diserahkan kembali kepada kerajaan Turki Uthmniaiyah. Baginda juga telah mengisytiharkan perang terhadap kerajaan Parsi pada bulan Oktober 1820. Pada peringkat awal, pertempuran dimenangi oleh tentera Parsi namun serangan kolera yang melanda menyaksikan kerajaan Parsi bersetuju untuk menandatangani perjanjian damai pada tahun 1823. Baginda kemudian mengambil tindakan drastik dengan menghapuskan pasukan Janissari pada tahun 1826 dengan bantuan pasukan tentera yang setia kepada sultan.⁷⁴ Kerajaan Turki Uthmaniyah juga diserang oleh kerajaan Rusia pada tahun 1828 sebelum termeterainya *Treaty of Edirne* pada tahun 1829. Pada tahun 1831, tentera baginda berperang dengan tentera Mesir pimpinan adik kepada Khedive Muhammad Ali, Ibrahim Pasha yang mahu meluaskan pengaruh mereka di Syria, namun dimenangi oleh kerajaan Mesir.⁷⁵ Tahun 1839 menyaksikan Turki sekali lagi berperang dengan Mesir di Syria, namun dimenangi oleh tentera Mesir.⁷⁶ Baginda meninggal dunia pada tahun 1839.

Abdul Majid I (1839-1861), putera Mahmud II kemudian telah dipilih sebagai pemerintah kerajaan Turki Uthmaniyah yang baharu. Pada tahun 1839, baginda telah memperkenalkan satu dasar pembaharuan dan pemodenan di dalam kerajaan Turki Uthmaniyah yang dikenali sebagai Tanzimat.⁷⁷ Pembaharuan dalam era Tanzimat digerakkan oleh Menteri Luar, Mustafa Resid Pasha sehingga beliau digelar “Men of the Tanzimat”. Baginda berdepan dengan pemberontakan yang berlaku di Lubnan pada

⁶⁹ Virginia Aksan (2006), “War and Peace,” dalam Suraiya N. Faroqhi (ed.), *The Cambridge History of Turkey*, Vol. 3, Cambridge: Cambridge University Press, h. 104.

⁷⁰ Stanford Shaw (1997), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, h. 269.

⁷¹ Donald Quataert, *The Ottoman Empire, 1700-1922*, h. 55.

⁷² Stanford Shaw & Ezel Kural Shaw (2002), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, Vol. II, New York: Cambridge University Press, h. 1.

⁷³ Stanford Shaw (1997), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, h. 276.

⁷⁴ Virginia Aksan (2006), “War and Peace,” h. 105.

⁷⁵ Stanford Shaw & Ezel Kural Shaw (2002), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, h. 34. Pada tahun 1829, tentera Turki Uthmaniyah menduduki tempat ke-6 dalam kalangan negara-negara Eropah dari segi wilayah takluk, dan tempat ke-9 dari segi populasi. Tentera Turki Uthmaniyah ketika itu pula dianggarkan sekitar 365,000 orang, di samping 2 batalion angkatan tentera yang masing-masing berjumlah 80,000 orang. Lihat, “The Military Power of Turkey,” *Singapore Chronicle and Commercial Register*, 7 Mei 1829, h. 3.

⁷⁶ Erik J. Zurcher (2004), *Turkey: A Modern History*, h. 38.

⁷⁷ Carter Vaughn Findley (2008), “The Tanzimat,” dalam Resta Kasaba (ed.), *The Cambridge History of Turkey*, Vol. 4, New York: Cambridge University Press, h. 11-37.

Kerajaan Turki Uthmaniyyah dan Sumbangannya dalam Bidang Sosiopolitik Abad Ke-14 hingga Abad Ke-20 tahun 1840, namun berjaya diselesaikan pada tahun 1846.⁷⁸ Baginda juga terpaksa menghadapi Perang Crimea pada tahun 1854 akibat persaingan antara Rusia di satu pihak menentang British dan Perancis di pihak yang lain bagi menentukan kuasa yang akan menguasai politik dan ekonomi Timur Tengah selepas kerajaan Turki Uthmaniyyah mengalami kejatuhan. Dalam perang tersebut, kerajaan British dan Perancis memihak kepada kerajaan Turki Uthmaniyyah, dan hanya berakhir selepas termeterainya Perjanjian Damai Paris pada 29 Mac 1856.⁷⁹ Baginda juga berdepan dengan beberapa pemberontakan lain seperti rusuhan puak Maronite (Kristian Katholik) di Lubnan, dan rusuhan di Montenegro pada tahun 1858. Baginda meninggal dunia pada tahun 1861 ketika berumur 38 tahun.

Pemerintahan Abdul Aziz (1861-1876) yang merupakan adik tiri Abdul Majid I dan putera Mahmud II juga berdepan dengan pelbagai cabaran. Baginda juga dikenali sebagai individu yang bertanggungjawab memajukan sektor pertahanan kerajaan Turki Uthmaniyyah. Selain itu, berlaku beberapa pemberontakan ketika pemerintahan baginda seperti pemberontakan di Crete pada tahun 1866 sehingga tahun 1869.⁸⁰ Namun begitu, baginda dikatakan seorang yang boros selain menolak perlombagaan Uthmaniyyah yang diusahakan oleh penyokong liberal pimpinan Midhat Pasha. Baginda akhirnya digulingkan dengan sokongan Midhat Pasha dan ketua angkatan tentera, Huseyin Avni pada 30 Mei 1876.⁸¹ Baginda kemudian didapati telah membunuh diri beberapa hari kemudian, namun terdapat andaian bahawa baginda mungkin dibunuhi. Kematian baginda membolehkan Putera Murad dipilih sebagai pemerintah yang baru.

Sultan Murad V (Jun-Ogos 1876), anak saudara Abdul Aziz I dan putera Abdul Majid kemudian menggantikan Abdul Aziz I. Namun begitu, baginda dikatakan mengalami masalah mental dan sempat memerintah sekitar tiga bulan sahaja. Pada peringkat awal, pemilihan baginda sebagai sultan disebabkan persetujuan baginda untuk melaksanakan perlombagaan Uthmaniyyah. Baginda dilaporkan mempunyai hubungan yang rapat dengan tokoh Turki Muda ketika itu seperti Midhat Pasha, Namik Kemal dan Ziye Pasha yang sedang menyiapkan draf perlombagaan Uthmaniyyah pertama.⁸² Namun begitu, baginda kemudiannya digulingkan setelah laporan seorang doktor dari Vienna mengesahkan bahawa baginda mengalami masalah mental. Akibatnya *Seyhulislam* (Mufti) kemudian mengeluarkan fatwa pada 31 Ogos 1876 yang mengesahkan bahawa baginda tidak layak untuk memerintah kerana mengalami masalah mental.⁸³ Peristiwa tersebut membuka ruang kepada Abdul Hamid untuk ditabalkan sebagai pemerintah yang baru.

Abdul Hamid II (1876-1909) yang merupakan putera Abdul Majid ialah pemerintah terakhir Turki Uthmaniyyah yang memerintah lebih 30 tahun, selain pemerintah terakhir yang mempunyai kuasa autokratik. Pada tahun 1867, baginda pernah mengikuti bapa saudaranya, Abdul Aziz (1861-1876) mengembara ke Paris, London dan Vienna.⁸⁴ Pada 31 Ogos 1876, baginda dilantik secara rasmi sebagai Sultan Turki. Sebelum itu, baginda dilaporkan berjumpa dengan Midhat Pasha dan menyatakan persetujuan untuk melaksanakan Perlombagaan Uthmaniyyah jika dipilih sebagai sultan. Pada 23 Disember 1876, baginda telah mengisyiharkan Perlombagaan Uthmaniyyah yang terbahagi kepada dua iaitu *Chamber of Deputies* dan *Chamber of Notables*. Setiap ahli perlu bertemu setiap tahun antara 1 November sehingga 1 Mac (Artikel 42 dan 43).⁸⁵ Perlombagaan tersebut mempunyai 119 artikel dan 12 seksyen. Sesi parlimen pertama bersidang pada 19 Mac 1877 melibatkan 130 perwakilan.⁸⁶ Namun baginda kemudian membubarkan parlimen pada 14 Februari 1878 setelah mendapati bahawa sistem parlimen mengganggu dasar pemerintahan baginda.⁸⁷ Tindakan tersebut menyaksikan perlombagaan turut digantung.

⁷⁸ Stanford Shaw & Ezel Kural Shaw (2002), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, h. 134.

⁷⁹ Erik J. Zurcher (2004), *Turkey: A Modern History*, h. 54.

⁸⁰ Erik J. Zurcher (2004), *Turkey: A Modern History*, h. 55.

⁸¹ Niyazi Berkes (1998), *The Development of Secularism in Turkey*, New York: Routledge, h. 223.

⁸² Erik J. Zurcher (2004), *Turkey: A Modern History*, h. 73.

⁸³ Stanford Shaw & Ezel Kural Shaw (2002), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, h. 165.

⁸⁴ Benjamin C. Fortna (2008), “The Reign of Abdulhamid II,” dalam Resta Kasaba (ed.), *The Cambridge History of Turkey*, Vol. 4, New York: Cambridge University Press, h. 41-42.

⁸⁵ Stanford Shaw & Ezel Kural Shaw (2002), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, h. 176. Parlimen Uthmiyah juga banyak merujuk beberapa perlombagaan lain seperti Perlombagaan Belgium 1831 dan Perlombagaan Prussia 1850. Lihat Erik J. Zurcher (2004), *Turkey: A Modern History*, h. 74.

⁸⁶ Stanford Shaw & Ezel Kural Shaw (2002), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, h. 182.

⁸⁷ Erik J. Zurcher (2004), *Turkey: A Modern History*, h. 76.

Pemerintahan Abdul Hamid II juga menyaksikan berlaku beberapa siri pemberontakan. Pada tahun 1875, berlaku Kebangkitan Herzegovina namun berjaya diatasi dua tahun kemudian. Pada masa yang sama, baginda juga berdepan dengan Perang Russia-Uthmaniyyah (1877-1878) sehingga terpaksa menandatangani Perjanjian San Stefano pada tahun 1878, sekali gus menyaksikan kemerdekaan beberapa wilayah seperti Romania, Serbia dan Montenegro. Tahun 1878 juga menyaksikan Cyprus diserahkan kepada British. Pada tahun 1881, krisis dalam empayar baginda semakin meruncing selepas Perancis menguasai Tunisia, diikuti tindakan British menguasai Mesir pada tahun 1882.⁸⁸ Keadaan semakin parah setelah berlakunya krisis di Armenia (1894-1896) setelah penduduk Armenia yang beragama Kristian menuntut hak mereka. Akibatnya, berlaku siri pemberontakan sehingga dianggarkan hampir 300,000 orang Armenia meninggal dunia sehingga baginda digelar sebagai "Bloody Sultan" dan "Red Sultan".⁸⁹ Namun ada pihak berpendapat insiden tersebut merupakan percaturan gerakan Turki Muda dan golongan liberal untuk menjatuhkan imej baginda.

Pada 23 November 1881, peningkatan hutang kerajaan yang diwarisi daripada pemerintah sebelumnya menyebabkan Abdul Hamid II mengeluarkan dikri bahawa urusan hutang empayar tersebut diserahkan kepada *Public Debt Administration* yang mempunyai masing-masing seorang wakil dari England, Perancis, Jerman, Itali, Austria-Hungary dan Belanda.⁹⁰ Baginda berjaya mengurangkan hutang kerajaan terutamanya hutang lama sejak tahun 1854, dan pendapatan negara dilaporkan lebih banyak digunakan untuk membayar hutang tersebut. Malah permohonan mendapatkan pinjaman baharu juga berkurangan.⁹¹ Sebagai protes kepada British dan Perancis yang telah menguasai tanah jajahan kerajaan Turki Uthmaniyyah, baginda mengadakan hubungan diplomatik dengan Jerman, sekali gus menyaksikan kerajaan Jerman mendapat konsesi untuk membina Jalan Keretapi Hijaz (1900-1908) menghubungkan Damsyiq dan Madinah yang dibina menggunakan harta wakaf sepenuhnya, dan membangunkan sistem telegraf.⁹² Pada 23 Julai 1908, gerakan Turki Muda atau *Committee of Union and Progress* (CUP) telah bergerak dari Salonika (Greece) menuju Istanbul bagi menuntut pemerintahan yang lebih demokratik daripada sultan sekali gus mencetuskan Revolusi Turki Muda.⁹³ Baginda akhirnya berjanji untuk melaksanakan semula Perlembagaan Uthmaniyyah dan memperkenalkan semula parlimen. Pada 17 Disember 1908, baginda telah merasmikan semula sidang parlimen yang telah digantung sejak tahun 1878. Pada 27 April 1909, baginda akhirnya digulingkan oleh ahli parlimen dan fatwa daripada ulama, selain tekanan daripada gerakan Turki Muda yang menguasai "*Third Army*".⁹⁴ Baginda menerima ketetapan tersebut sebagai 'takdir Allah' sebelum dibawa ke Salonika diikuti Istanbul pada tahun 1912. Baginda meninggal dunia pada 10 Februari 1918.

Mehmed Resat, adik Abdul Hamid II dan putera Abdul Majid I kemudian dilantik sebagai sultan baharu dengan gelaran Mehmed V (1909-1918). Baginda sering dianggap sebagai boneka kepada gerakan Turki Muda yang baharu berkuasa.⁹⁵ Pemerintahan baginda menyaksikan berlaku Perang Balkan pada tahun 1912 menentang gabungan kuasa Eropah iaitu Bulgaria, Montenegro, Serbia dan Greek.⁹⁶ Perang

⁸⁸ Benjamin C. Fortna (2008), "The Reign of Abdulhamid II," dalam Resta Kasaba (ed.), *The Cambridge History of Turkey*, Vol. 4, New York: Cambridge University Press, h. 48.

⁸⁹ Peristiwa tersebut menyebabkan wakil kerajaan Perancis pernah berjumpa dengan Sultan Abdul Hamid II dan memberi amaran kepada baginda agar menamatkan konflik tersebut bagi mengelakkan campur tangan kuasa Barat dalam hal ehwal empayar baginda. Lihat, "Turkey and the Powers", *The Straits Times*, 30 September 1896, h. 2. Sebelum itu, pemberontak Armenia turut melakukan pemberontakan di Istanbul bagi membala dendam terhadap kekejaman yang dilakukan kepada mereka. Lihat "The Massacres at Constantinople," *The Illustrated London News*, 5 September 1896, h. 5. Sebenarnya pembunuhan besar-besaran orang Armenia turut berlaku ketika pemerintahan Turki Muda menjelang Perang Dunia Pertama (1914-1918) apabila sekitar 1.2 juta daripada keseluruhan 1.8 juta orang Armenia yang tinggal di wilayah kerajaan Turki Uthmaniyyah telah dibunuhi atau melarikan diri wilayah lain seperti Caucasia atau Mesir. Akibatnya hanya sekitar 600,000 sahaja orang Armenia yang masih hidup di wilayah kerajaan Turki Uthmaniyyah pada awal tahun 1917. Lihat, "Armenian Outrages," *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 11 April 1917, h. 4. Lihat juga "A Race Exterminated," *The Straits Times*, 27 April 1917, h. 11.

⁹⁰ Hutang kerajaan Turki Uthmaniyyah secara besar-besaran bermula pada tahun 1854 semasa pemerintahan Abdul Majid I (1839-1861) ketika tercetusnya Perang Crimea yang menyaksikan empayar tersebut terpaksa berhutang bagi membeli pelbagai senjata dan persediaan perang. Lihat Stanford Shaw & Ezel Kural Shaw (2002), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, h. 223.

⁹¹ Erik J. Zurcher (2004), *Turkey: A Modern History*, h. 84.

⁹² Benjamin C. Fortna (2008), "The Reign of Abdulhamid II," h. 57-58.

⁹³ Antara tokoh CUP ketika itu ialah Kemal Bey (Mustafa Kemal Ataturk) yang ketika itu memegang jawatan sebagai Setiausaha CUP yang berpusat di Salonica sebelum menubuhkan cawangan di Istanbul. Lihat "Chapter II: The Turkish Movement before the Balkan War", dalam Tekin Alp, *The Turkish and Pan-Turkish Ideal*, Constantinople, h. 269, terlampir dalam CO 323/720/34, The Turkish and Pan-Turkish Ideal, by Tekin Alp, Constantinople.

⁹⁴ Erik J. Zurcher (2004), *Turkey: A Modern History*, h. 97.

⁹⁵ Mehmed V dilaporkan pernah berunding secara rahsia dengan British bagi melantik dirinya sebagai diktator, selain menubuhkan sebuah parti yang dinamakan sebagai "Sultanat" pada 1 Januari 1919. Lihat "The Committee of Union and Progress," Part II, "The Committee in Relations to the Sultan and the Turkish Governing Bodies," 1919, h. 11, terlampir dalam FO 608/115/1, Turkey: Committee of Union and Progress (CUP).

⁹⁶ Stanford Shaw & Ezel Kural Shaw (2002), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, h. 292.

Kerajaan Turki Uthmaniyyah dan Sumbangannya dalam Bidang Sosiopolitik Abad Ke-14 hingga Abad Ke-20 tersebut berakhir dengan kekalahan kerajaan Turki Uthmaniyyah sehingga terpaksa menandatangani *Treaty of London* pada tahun 1913. Malah kerajaan Turki Uthmaniyyah juga terjerumus dalam kancah Perang Dunia Pertama (1914-1918) dengan memihak kepada Jerman pada 25 Oktober 1914.⁹⁷ Baginda meninggal dunia pada 28 Jun 1918.

Mehmed Vahideddin, adik kepada Mehmed V dan putera Abdul Majid I kemudian dipilih sebagai Khalifah Turki Uthmaniyyah yang baharu dengan gelaran Mehmed VI (1918-1922). Seperti Mehmed V, beliau juga dianggap sebagai ‘boneka’ Turki Muda malah melebihi abangnya.⁹⁸ Baginda akhirnya telah digulingkan pada 17 November 1922, sebelum melarikan diri ke Malta dan San Remo, Itali. Baginda juga merupakan satu-satunya pemerintah Turki Uthmaniyyah yang pernah menunaikan ibadah haji di Makkah selepas digulingkan pada tahun 1922.⁹⁹ Baginda meninggal dunia ketika dalam buangan di San Remo, Itali pada tahun 1926.

Pemerintah Turki yang terakhir ialah Abdul Majid II (1922-1924), iaitu sepupu Mehmed VI dan putera Abdul Aziz I.¹⁰⁰ Namun baginda hanya dilantik sebagai khalifah, dan bukan sebagai sultan. Baginda juga merupakan pemerintah terakhir kerajaan Turki Uthmaniyyah setelah digulingkan pada tahun 1924. Pada 3 Mac 1924, institusi khalifah yang diwakili oleh kerajaan Turki Uthmaniyyah akhirnya telah dihapuskan oleh *Grand National Assembly* pimpinan Mustafa Kemal Ataturk.¹⁰¹ Peristiwa tersebut sekali gus menamatkan sistem khilafah di Turki yang berlangsung selama lebih kurang 640 tahun.

Sumbangan Kerajaan Turki Uthmaniyyah dalam Bidang Politik

Perkembangan kerajaan Turki Uthmaniyyah sehingga muncul sebagai salah sebuah kerajaan Islam yang kuat banyak disumbangkan oleh kegemilangan kerajaan tersebut dalam aspek politik. Secara umumnya, struktur politik kerajaan Turki Uthmaniyyah menekankan kepada pemerintahan bercorak monarki dengan sultan menduduki tempat teratas sebagai ketua pemerintah, manakala pegawai-pegawai kerajaan bertindak membantu baginda melicinkan aspek pentadbiran negara.

Selain kehebatan sultan sebagai ketua pemerintah, kegemilangan kerajaan Turki Uthmaniyyah juga disumbangkan oleh institusi Grand Vizier atau Wazir Agung. Grand Vizier merupakan pegawai tertinggi dalam kerajaan yang berfungsi seperti Perdana Menteri di Eropah khususnya sejak abad ke-19. Lantikan dan pemecatan mereka juga merupakan kuasa mutlak sultan. Jawatan tersebut juga tidak diwarisi, namun seseorang boleh dilantik beberapa kali sebagai Grand Vizier sepanjang hayatnya. Pada peringkat awal, mesyuarat jawatankuasa diraja yang turut dikenali sebagai *Divan-I Hümayun* dipimpin oleh sultan dan dibantu oleh Grand Vizier. Sebagai pembantu sultan dalam urusan pentadbiran, mereka juga diberikan cop mohor khas oleh sultan.¹⁰² Sejak pertengahan abad ke-17, pentadbiran negara selalunya dikendalikan sepenuhnya oleh Grand Vizier, manakala sultan hanya bertindak sebagai ketua negara pada nama sahaja.¹⁰³ Dalam sejarah kerajaan tersebut, antara Grand Vizier yang terkenal dan berkuasa ialah keluarga Köprülü (1656–1691) iaitu Mehmed Köprülü (1656-1661) dan Fazıl Mustafa Köprülü (1689-1691).

Sejak abad ke-16, jawatankuasa diraja atau *Divan-I Hümayun* dibantu oleh dua buah seksyen utama bagi melancarkan urusan pentadbiran khususnya dalam membuat keputusan dan menyimpan rekod. Pertama ialah *Bureau of the Imperial Divan* atau Biro Divan Diraja yang berfungsi untuk menggubal dan mengeluarkan semua dikri dan undang-undang, selain menyimpan rekod pelantikan Grand Vizier, kadi, dan gabenor wilayah. Ketua biro ini dikenali sebagai *reisülküttab* (*Chief of the Scribes*). Kedua ialah *Bureau of the Financial Administration* atau Biro Pentadbiran Kewangan yang berfungsi bagi menguruskan hal ehwal berkaitan pendapatan dan perbelanjaan negara. Pendapatan negara diperoleh melalui cukai, duti dan tol yang dibayar oleh rakyat Turki dan wilayah takluk kerajaan tersebut.

⁹⁷ Erik J. Zurcher (2004), *Turkey: A Modern History*, h. 113.

⁹⁸ Stanford Shaw & Ezel Kural Shaw (2002), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, h. 327.

⁹⁹ Hal ini berdasarkan fatwa daripada ulama Turki yang menghalang sultan ke luar negara bagi menjaga pentadbiran kerajaan Turki Uthmaniyyah, meskipun bagi menunaikan haji. Lihat Donald Quataert, *The Ottoman Empire, 1700-1922*, h. 98.

¹⁰⁰ Erik J. Zurcher (2004), *Turkey: A Modern History*, h. 160.

¹⁰¹ Stanford Shaw & Ezel Kural Shaw (2002), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, h. 369.

¹⁰² Norman Itzkowitz (1972), *Ottoman Empire and Islamic Tradition*, h. 54-55.

¹⁰³ Gabor Agoston (2009), “Grand Vizier,” dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 235.

Perbelanjaan negara pula kebanyakannya tertumpu kepada urusan pembayaran gaji pegawai kerajaan dan tentera.¹⁰⁴ Ketua biro ini dikenali sebagai *Chief Financial Officer* atau Ketua Pegawai Kewangan.

Salah satu aspek politik yang penting ialah perluasan kuasa. Keunggulan dan kehebatan sesebuah kerajaan atau empayar sering dilihat kepada jumlah kawasan yang ditakluki dan keluasan tanah jajahan mereka. Salah satu sumbangan penting kerajaan Turki Uthmaniyyah ialah kejayaan mereka mengukir sejarah sebagai kerajaan Islam yang paling unggul dalam sejarah Islam apabila menguasai beberapa wilayah timur Eropah yang belum dikuasai oleh mana-mana kerajaan Islam sebelum ini. Kerajaan Islam sebelum ini hanya pernah menguasai kawasan selatan Eropah merangkumi Sepanyol dan Portugal pada hari ini sepihama yang dikuasai oleh kerajaan Bani Umayyah di Andalusia (Sepanyol).¹⁰⁵

Antara wilayah timur Eropah yang pernah dikuasai oleh kerajaan Turki Uthmaniyyah dari abad k-14 hingga abad ke-16 ialah Greek, Macedonia, Serbia, Bosnia, Bulgaria, Hungary, Romania, Georgia dan Armenia. Kejayaan tersebut membuktikan bahawa mereka adalah setaraf bahkan pada beberapa ketika lebih kuat berbanding beberapa kerajaan besar di timur Eropah seperti kerajaan Bulgaria, Hungary, Habsburg (Austria), dan Wallachia (Romania). Bahkan kejayaan menguasai ibu negara kerajaan Rom Timur atau Byzantine iaitu Constantinople pada tahun 1453 membuktikan bahawa mereka juga merupakan kerajaan yang terkuat di timur Mediterranean ketika itu. Penguasaan terhadap wilayah Eropah dijalankan secara drastik ketika pemerintahan Mehmed II, seterusnya diteruskan oleh sultan Turki lain iaitu Bayezid II, Selim I, Suleyman I, Selim II, Murad III, dan Mehmed III.¹⁰⁶ Ketika pemerintahan Murad II (1421–1444, 1446–1451), keluasan tanah jajahan kerajaan Turki Uthmaniyyah hanya berjumlah 218,000 kaki persegi sebelum meningkat kepada 978,000 kaki persegi ketika pemerintahan Suleyman I (1520–1566).¹⁰⁷ Kejayaan tersebut jelas menonjolkan kehebatan kerajaan Turki Uthmaniyyah sebagai salah sebuah kerajaan terkuat di timur Eropah dan timur Mediterranean, khususnya pada abad ke-16. Mereka berjaya membuktikan bahawa mereka bukan sahaja lebih kuat berbanding beberapa kerajaan di timur Eropah, bahkan pada beberapa ketika berjaya memberi ancaman kepada beberapa kerajaan besar di timur Eropah, khususnya kerajaan Habsburg di Vienna, Austria.

Pada masa yang sama, kerajaan Turki Uthmaniyyah juga berjaya mengukuhkan kedudukan mereka sebagai kerajaan Islam terkuat pada abad ke-16 khususnya di Timur Tengah apabila berjaya mengalahkan kerajaan Islam yang terkuat ketika itu iaitu kerajaan Mamluk yang berpusat di Mesir dan mempunyai wilayah takluk yang luas dari Syria hingga ke Hejaz. Kejayaan tentera Selim I mengalahkan tentera kerajaan Mamluk dalam Perang Ridaniyyah berhampiran Kaherah dan mengalahkan pemerintah terakhir kerajaan Mamluk, Tumanbay (1516–17) pada tahun 1517 menyaksikan mereka kemudiannya berjaya menguasai Syria, Lubnan, Jerusalem (Palestin), Hejaz selain Mesir sendiri.¹⁰⁸ Kejayaan menguasai Hejaz menyaksikan kerajaan Turki Uthmaniyyah dianggap sebagai pembela Islam kerana menguasai dua kota suci umat Islam iaitu Makkah dan Madinah. Tambahan pula penguasaan Baitulmaqdis di Jerusalem (Palestin) pula meningkatkan lagi pengaruh mereka dalam kalangan umat Islam apabila berjaya menguasai semua tiga kota suci umat Islam. Hal ini membuktikan bahawa kerajaan Turki Uthmaniyyah bukan sahaja merupakan kerajaan Islam yang terkuat pada abad ke-16, tetapi juga sebagai pembela Islam serta bertanggungjawab memelihara semua tempat suci umat Islam yang telah dikuasai. Secara tidak langsung, kedudukan kerajaan Turki Uthmaniyyah juga semakin dihormati dalam kalangan umat Islam apabila berjaya menguasai Makkah yang menjadi destinasi ibadah haji dan penjaga Kaabah, walaupun penjaga sebenar Makkah ialah Sharif Makkah daripada keluarga Bani Hasyim yang dilantik oleh kerajaan Turki Uthmaniyyah.¹⁰⁹ Semua ini berjaya meningkatkan prestij kerajaan tersebut sebagai pelindung dan pembela terhadap Islam dan umat Islam.

¹⁰⁴ Norman Itzkowitz (1972), *Ottoman Empire and Islamic Tradition*, h. 55-56.

¹⁰⁵ Janina M. Safran (2000), *The Second Umayyad Caliphate: The Articulation of Caliphal Legitimacy in Al-Andalus*, Cambridge: Harvard University Press, h. 119.

¹⁰⁶ Palmira Brummett (2009), “Ottoman Expansion in Europe, ca. 1453–1606,” dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 50-53.

¹⁰⁷ Gabor Agoston (2009), “Warfare,” dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 593.

¹⁰⁸ Rhoads Murphy (2009), *Ottoman Warfare, 1500–1700*, London: UCL Press Limited, h. xvii. Lihat juga Gabor Agoston (2009), “Warfare”, h. 593.

¹⁰⁹ Joshua Teitelbaum (1998), “Sharif Husayn ibn Ali and the Hashemite Vision of the Post-Ottoman Order: From Chieftaincy to Suzerainty,” *Middle Eastern Studies*, Vol. 34, No. 1, h. 103.

Selain itu, kerajaan Turki Uthmaniyyah juga berjaya mengalahkan beberapa kerajaan yang didakwa sebagai kerajaan Islam, misalnya kerajaan Safavid (1501-1736) di Parsi. Sejak abad ke-15, beberapa pertembungan telah tercetus antara kedua-dua kerajaan yang berjiran ini, dan kerajaan Turki Uthmaniyyah juga telah berjaya menguasai beberapa wilayah asal kerajaan Safavid yang bersempadan dengan wilayah kerajaan Turki Uthmaniyyah seperti kejayaan Selim I (1512-1520) mengalahkan pemerintah kerajaan Safavid, Shah Ismail dalam Perang Caldiran di timur Anatolia pada tahun 1514.¹¹⁰ Penguasaan wilayah tersebut amat penting kerana bukan sahaja berjaya meluaskan lagi wilayah taklukan mereka tetapi juga berjaya memperkuuh lagi sempadan kerajaan masing-masing, sekali gus berjaya menaikkan lagi pengaruh kerajaan Turki Uthmaniyyah.

Salah satu sumbangan penting kerajaan Turki Uthmaniyyah ialah pengenalan sistem latihan pentadbiran yang cekap iaitu amalan melantik putera sultan sebagai *sanjak bey* (gabenor daerah), termasuklah dalam kalangan *shahzadah* (putera raja) yang telah dimulakan sejak pengasasan kerajaan Turki Uthmaniyyah lagi, iaitu ketika pemerintahan Osman (1299-1326) dan penggantinya iaitu Orhan (1326-1362). Pengalaman mentadbir *sanjak* (daerah) ternyata menjadi medium penting dalam memberi latihan pentadbiran kepada putera raja yang bakal menjadi sultan. Mereka didedahkan dengan cara mentadbir wilayah yang cekap, kaedah menguruskan kutipan cukai, aspek pertahanan dan ketenteraan selain pengurusan hal ehwal rakyat jelata merangkumi aspek perundangan dan kebijakan yang dianggap penting dalam memantapkan pentadbiran sesebuah *sanjak*. Amalan tersebut berjaya melahirkan beberapa pemerintah yang bijaksana, cekap dan berkaliber, khususnya pada akhir abad ke-15 sehingga akhir abad ke-16 seperti Mehmed II, Suleyman I dan Selim II. Namun begitu, amalan ini terhenti setakat tahun 1595 iaitu ketika pemerintahan Mehmet III (1595-1603) apabila baginda tidak lagi meneruskan dasar tersebut.¹¹¹ Hal ini menyaksikan sultan Turki selepas itu seperti putera baginda iaitu Ahmed I (1603-1617) tidak terdedah kepada pengalaman dalam aspek pentadbiran khususnya pentadbiran daerah, sekali gus mengundang kepada kelemahan seterusnya kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyyah selepas itu.

Kerajaan Turki Uthmaniyyah juga memberi sumbangan penting bagi memajukan bidang ketenteraan dan persenjataan. Antara sumbangan mereka ialah memperkenalkan sistem ketenteraan unik yang kemudiannya menjadi senjata utama dalam ekspidisi ketenteraan kerajaan Turki Uthmaniyyah bagi memperluaskan tanah jajahan mereka, iaitu sistem Janisari (tentera elit) atau “*yeni çeri*” bermaksud ‘askar baharu’. Secara umumnya, pasukan tentera tersebut diasaskan oleh Murad I (1362–1389) sekitar tahun 1370-an setelah baginda melihat kepada keperluan mewujudkan sebuah pasukan tentera profesional yang setia yang berbeza daripada pahlawan Turki yang biasa. Jumlah pasukan Janisari dianggarkan sekitar 12,800 pada tahun 1560-an, sebelum meningkat kepada 37,600 pada tahun 1606 serta 54,000 pada akhir abad ke-17.¹¹² Askar tersebut asalnya bertugas sebagai pengawal peribadi sultan, namun kemudiannya menjadi tulang belakang kepada perluasan kuasa dan pertahanan kerajaan Turki Uthmaniyyah. Kebanyakan mereka merupakan hamba yang asalnya beragama Kristian sebelum memeluk Islam.

Dari segi persenjataan, kerajaan Turki Uthmaniyyah juga berjaya mengembangkan lagi teknologi serbuk letupan dengan memperkenalkan beberapa senjata moden seperti meriam besar dan senapang moden. Kerajaan Turki Uthmaniyyah juga mempunyai angkatan tentera laut yang kuat ketika itu, malah muncul antara angkatan tentera laut yang kuat setaraf dengan beberapa kerajaan besar ketika itu. Penggunaan senjata yang lebih moden dan canggih serta kewujudan angkatan tentera laut yang kuat ternyata menjadi salah satu resepi penting terhadap kejayaan tentera kerajaan Turki Uthmaniyyah memenangi beberapa pertempuran besar, seterusnya meluaskan lagi wilayah taklukan kerajaan tersebut. Pada masa yang sama, kerajaan Turki Uthmaniyyah juga pernah muncul sebagai salah satu angkatan tentera laut yang terkuat di Eropah. Pada tahun 1470, kerajaan tersebut mempunyai 92 *galley* (kapal perang kecil) sekali gus membolehkan mereka menguasai sekitar Laut Hitam.¹¹³ Ketika pemerintahan Mehmed II (1444-1446, 1451-1481), baginda dilaporkan mempunyai 280 *galley* dan kapal lain dalam angkatan laut baginda ketika menyerang Pulai Euboea (Greek) di Laut Aegean pada tahun 1470 serta 380 kapal

¹¹⁰ Gabor Agoston (2009), “Iran,” dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., 2009, h. 280.

¹¹¹ Colin Imber (2002), *The Ottoman Empire, 1300–1650*, h. 178.

¹¹² Gabor Agoston (2009), “Janissaries,” dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 296-297.

¹¹³ David Nicolle & Angus MacBride (1983), *Armies of the Ottoman Turks, 1300-1774*, Oxford: Osprey Publishing, h. 23.

perang ketika menyerang bandar pelabuhan iaitu Caffa (Ukraine) pada tahun 1475.¹¹⁴ Hal ini menggambarkan kehebatan angkatan tentera laut kerajaan Turki Uthmaniyah sehingga mereka berjaya menguasai wilayah yang luas dengan kehebatan persenjataan dan armada laut yang besar.

Dalam aspek pentadbiran, kerajaan Turki Uthmaniyah juga telah memperkenalkan sistem pentadbiran Islam seperti jawatan mufti, *şeyhülislam* dan *muhtesib* serta institusi wakaf yang kemudiannya diwarisi oleh kerajaan lain selepas itu. Meskipun terdapat beberapa sistem pentadbiran tersebut sudah wujud dalam kerajaan Islam sebelumnya, namun sistem tersebut mempunyai identiti tersendiri di bawah kerajaan Turki Uthmaniyah. Jawatan mufti dan *Sheikh al-Islam* (*şeyhülislam*) atau Ketua Mufti misalnya bertanggungjawab mengeluarkan fatwa berdasarkan syariat Islam. Kedua-dua jawatan tersebut telah diperkenalkan ketika pemerintahan Sultan Murad II (1421–1444, 1446–1451).¹¹⁵ *Şeyhülislam* bertugas dengan kerajaan pusat di Istanbul, manakala mufti lain bertugas di seluruh wilayah dalam kerajaan Turki Uthmaniyah. Selain itu, turut diperkenalkan jawatan mufti di peringkat pusat dan jawatan kadi di peringkat wilayah dan daerah. Antara *şeyhülislam* yang terkenal ialah Ebussuud Efendi (1566–1574) yang berkhidmat ketika pemerintahan Suleyman I (1520–1566) dan Selim II (1566–1574).¹¹⁶ Pengenalan jawatan tersebut bukan sahaja menggambarkan keinginan kerajaan tersebut untuk memantapkan lagi pengurusan pentadbiran Islam, tetapi juga membolehkan segala urusan berkaitan pentadbiran hukum Islam menjadi lebih efektif dan efisien.

Sistem pentadbiran Islam lain yang turut diperkenalkan ialah jawatan *muhtesib* yang wujud di setiap bandar utama dalam kerajaan tersebut. Secara umumnya, *muhtesib* bertanggungjawab mendenda dan menghukum sesiapa yang melanggar hukum Islam. Namun begitu, tugas mereka juga meliputi aspek lain yang luas seperti memastikan umat Islam menunaikan solat Jumaat, serta menghukum umat Islam yang tidak berpuasa pada bulan Ramadhan atau minum arak. Mereka turut memantau kelancaran perniagaan dan harga barang-barang di pasar.¹¹⁷ Ringkasnya, tugas *muhtesib* bukan sahaja sebagai penguatkuasa agama pada hari ini, tetapi juga meliputi tugas sebagai pasukan keselamatan yang memantau keamanan.

Kerajaan Turki Uthmaniyah juga memajukan institusi wakaf atau dikenali sebagai ‘Vakıf’. Institusi wakaf banyak membantu rakyat Turki Uthmaniyah khususnya dari segi menyediakan makanan kepada fakir miskin dan hospital untuk kemudahan rakyat. Secara umumnya, pendapatan wakaf diperoleh melalui penderma daripada harta komersial seperti kedai, kilang dan juga pasar. Hasil wakaf juga diperoleh melalui sewa rumah dan hasil pertanian. Antara bangunan yang dibina menggunakan hasil wakaf ialah kompleks Süleymaniye di Istanbul yang diwakafkan oleh Suleyman I (1520–1566).¹¹⁸ Kewujudan institusi wakaf ini banyak membantu dalam menyediakan kemudahan makanan, perubatan dan pendidikan kepada rakyat Turki Uthmaniyah khususnya fakir miskin tanpa bergantung sepenuhnya kepada kerajaan bagi menyediakan kemudahan tersebut.

Sumbangan berikutnya dalam bidang politik ialah pengenalan dasar Tanzimat. Bagi membangunkan semula kerajaan Turki Uthmaniyah yang telah mengalami zaman kemunduran khususnya pada awal abad ke-19, pemerintah Turki telah menggubal satu dasar pembaharuan dan penyusunan semula sistem pentadbiran negara melalui pengenalan Tanzimat (1839–1876). Secara umumnya, Tanzimat bermaksud penyusunan semula kerajaan Turki Uthmaniyah dengan matlamat untuk melaksanakan pmodenan ala Barat dari segi pendekatan, sistem, teknologi dan pakaian, selain bertujuan untuk mengelakkan campur tangan Barat kerana sudah melaksanakan pmodenan. Dasar tersebut banyak dipengaruhi oleh Kod Napoleon dan undang-undang Perancis yang menonjolkan elemen sekular kerana ramai pelajar Turki ketika itu belajar di Perancis. Rancangan awal dasar ini dimulakan ketika pemerintahan Mahmud II (1808–1839) sebelum diaplakasikan secara rasmi ketika pemerintahan Abdul Majid I (1839–1861). Antara dasar Tanzimat ialah pengenalan kod undang-undang “Hatt-ı Şerif” atau “Edict of Gülhane” (1839) yang menjamin keselamatan, maruah dan harta setiap rakyat; pengenalan duit kertas pertama,

¹¹⁴ Gabor Agoston (2009), “Warfare,” h. 593.

¹¹⁵ İlhami Yurdakul (2009), “Şeyhülislam (Shaykhulislam),” dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 524.

¹¹⁶ Bruce Masters (2009), “Fatwa (Fetva),” dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 217.

¹¹⁷ Salih Aynur (2009), “İhtisab and Muhtesib,” dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 264–265.

¹¹⁸ Bruce Masters (2009), “Waqf (Vakif),” dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 590–591.

Kerajaan Turki Uthmaniyah dan Sumbangannya dalam Bidang Sosiopolitik Abad Ke-14 hingga Abad Ke-20 pembukaan pejabat pos pertama, dan penyusunan semula sistem kewangan dan penyusunan semula kod undang-undang sivil dan jenayah (1840).¹¹⁹ Meskipun begitu, beberapa kelemahan yang timbul seperti perasaan tidak puas hati umat Islam terhadap dasar tersebut, masalah ekonomi dan hutang yang meningkat, tercetusnya Perang Crimea (1853-1856) serta rusuhan rakyat Turki di Bosnia, Balkan dan Hungary sekitar tahun 1870-an menyebabkan dasar tersebut gagal mencapai matlamat utama penubuhannya. Selain itu, kematian tokoh tanzimat seperti Mustafa Sami Pasha (1855), Mehmed Sadiq Rifaat Pasha (1856), Mustafa Resid Pasha (1858), dan Mehmet Emin Ali Pasha (1871) dan penolakan sultan seperti Abdul Aziz dan Abdul Hamid II turut menyebabkan kegagalan dasar tersebut. Namun begitu, pengenalan sistem tersebut membuktikan bahawa kerajaan Turki Uthmaniyah terbuka terhadap pembaharuan bagi membangkitkan semula keunggulan kerajaan tersebut sejak akhir abad ke-18.

Sumbangan Kerajaan Turki Uthmaniyah dalam Bidang Sosial

Kerajaan Turki Uthmaniyah juga memberi sumbangan penting terhadap perkembangan bidang sosial. Antara aspek sosial yang terlibat ialah perkembangan kegiatan intelektual. Sumbangan keilmuan kerajaan Turki Uthmaniyah terhadap perkembangan bidang keilmuan di Barat dapat dilihat dalam bidang sains dan teknologi seperti geografi, astronomi, matematik dan fizik. Dalam ilmu geografi, antara tokoh yang terkenal ialah Katib Çelebi' (1609-1657) yang telah menghasilkan sebuah kitab berkenaan geografi dunia berjudul *Cihannüma*.¹²⁰ Dalam ilmu astronomi, antara tokoh yang terkenal ialah Ali Kuşçu yang telah mengembangkan teori berkaitan pergerakan bulan sehingga menyebabkan beliau telah dijemput oleh Mehmed II (1444-1446; 1451-1481) untuk mengembangkan lagi kepakaran beliau dengan mengajar di beberapa madrasah di Istanbul.¹²¹ Selain itu, Ibrahim Hakkı dari Erzurum juga turut menghasilkan karya berkenaan astronomi dalam tulisannya berjudul *Marifetname* (1757), sekali gus mempopularkan konsep baru berkenaan astronomi moden.¹²² Dalam ilmu matematik, antara tokoh yang terkenal ialah Bahauddin al-Amili (1546-1621) yang menghasilkan tulisan berjudul *Hulasatu'l-hisab* sehingga menjadi buku rujukan utama dalam bidang matematik di madrasah. Dalam ilmu fizik, antara karya yang terkenal ialah *Füyuzat-i Miknasiye (Properties of Magnetism)* yang membincangkan berkenaan pergerakan cas elektrik dan diterbitkan pada tahun 1732.¹²³ Kemajuan ilmu geografi, astronomi, matematik dan fizik ketika kegemilangan kerajaan Turki Uthmaniyah menunjukkan bahawa kerajaan tersebut tidak hanya memberi tumpuan kepada kemajuan bidang politik dan pemerintahan sahaja, tetapi turut memberi penekanan terhadap kemajuan bidang intelektual.

Kerajaan Turki Uthmaniyah turut menyumbang kepada bidang keilmuan di Barat dalam ilmu perubatan. Antara tokoh perubatan yang terkenal ialah Şerefeddin Sabuncuoğlu, seorang doktor perubatan berasal dari Amasya pada abad ke-15 yang menghasilkan sebuah manual berkenaan dadah dan kaedah penyediaannya berjudul *Mücerrebname (The Book of Tried Medications)*. Tulisan tersebut diterbitkan pada tahun 1468 berdasarkan pengalaman beliau bertugas di hospital selama 14 tahun.¹²⁴ Jelaslah di sini bahawa perkembangan bidang intelektual membolehkan kerajaan tersebut mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang keilmuan, sekali gus memacu kepada kegemilangan kerajaan tersebut sepanjang sejarah kewujudannya.

Kerajaan Turki Uthmaniyah juga memberi sumbangan dalam bidang seni, khususnya seni bina. Perkembangan seni bina dalam kerajaan tersebut mengalami perkembangan pesat selepas pemerintahan Mehmed II (1444-1446; 1451-1481). Antara seni bina hebat dalam kerajaan tersebut ialah Istana Topkapı, kompleks Masjid Fatih, bangunan universiti, Lapan Menara Kubu atau *Seven Towers Fort* di

¹¹⁹ Coskun Cakir (2009), "Tanzimat," dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 553-555; Kemal H. Karpat (1972), "The Transformation of the Ottoman State, 1789-1908," *International Journal of Middle East Studies*, Vol. 3, No. 3, h. 243-281; Roderic H. Davison (1963), *Reform in the Ottoman Empire, 1856-1876*, Princeton, N.J.: Princeton University Press, h. 52-113; Carter V. Findley (1980), *Bureaucratic Reform in the Ottoman Empire: The Sublime Porte, 1789-1922*, Princeton, N.J.: Princeton University Press, h. 151-220.

¹²⁰ Gottfried Hagen (2009), "Katib Çelebi Mustafa b. Abdullah (Hacı Halife) (b. 1609-d. 1657)," dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 310.

¹²¹ İhsan Fazlıoğlu (2009), "Ali Kuşçu (Qushji, Abu al-Qasim Ala al-Din Ali ibn Muhammad Qushji-zade)," dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 35.

¹²² Ekmeleddin İhsanoğlu (2004), "The Introduction of Western Science to the Ottoman World: A Case Study of Modern Astronomy (1660-1860)," dalam Ekmeleddin İhsanoğlu (ed.), *Science, Technology and Learning in the Ottoman Empire: Western Influence, Local Institutions, and the Transfer of Knowledge*, London: Routledge, h. 2.

¹²³ Feza Günergun (2009), "Science," dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 508.

¹²⁴ Miri Shefer-Mossensohn (2015), *Science among the Ottomans: The Cultural Creation and Exchange of Knowledge*, Austin: University of Texas Press, h. 32.

Yedikule, kompleks bangunan Eyüp, bazar tertutup dan Tophane (Meriam Diraja). Terdapat juga beberapa masjid yang cantik dan terkenal seperti Masjid Bayezid, Masjid Şehzade, Masjid Suleymaniye, dan Masjid Sultan Ahmed.¹²⁵ Mimar Sinan (1489-1588) pula merupakan antara arkitek yang terkenal dalam kerajaan Turki Uthmaniyah. Beliau yang pernah berkhidmat sebagai ketua arkitek (1539-1588) di bawah pemerintahan Selim II (1566-1574) bertanggungjawab membina Kompleks Suleymaniye yang turut menempatkan Masjid Suleymaniye di Istanbul yang dibina dalam tempoh tujuh tahun (1550-1557). Kompleks tersebut meliputi sebuah masjid besar, beberapa madrasah, hospital dan pasar yang menyumbang kepada pendapatan bagi membiayai pengurusan kompleks tersebut.¹²⁶ Bangunan tersebut kemudian telah diwakafkan oleh Suleyman I (1520-1566) untuk kegunaan semua rakyat Turki.

Pada masa yang sama, kerajaan Turki Uthmaniyah juga memberi sumbangan yang penting bagi mengukuhkan sistem pendidikan. Antaranya ialah memperkenalkan sekolah istana (“Enderun Mektebi”) bagi melatih golongan elit yang bakal berkhidmat dalam pentadbiran istana kelak. Kursus yang diajar ialah ketenteraan dan pentadbiran awam serta dijalankan dalam kawasan istana. Selain itu, turut diperkenalkan sistem madrasah ketika zaman pemerintahan Mehmed II (1444-1446; 1451-1481) yang dijalankan di masjid, perpustakaan dan rumah pegawai istana dan diajar oleh golongan ulama.¹²⁷ Pada awal abad ke-19, beberapa sekolah telah ditubuhkan seperti *Darülmuallim* (1848) bagi melatih guru-guru lelaki, sekolah menengah moden (1862), serta *Darülmuallimat* (1870) bagi melatih guru-guru wanita. Abdul Hamid II (1876-1909) pula telah memperkenalkan pelbagai aliran sekolah moden seperti sekolah akademik, sekolah sastera, maktab tentera, maktab teknik, dan kolej perubatan.¹²⁸ Menjelang tahun 1883, terdapat sekitar 460 buah sekolah menengah rendah dalam kerajaan Turki Uthmaniyah dengan 30,000 pelajar. Kemuncak kepada perkembangan bidang pendidikan dalam kerajaan Turki Uthmaniyah ialah pembukaan Universiti Istanbul pada tahun 1900. Universiti tersebut asalnya dikenali sebagai Darul Funun yang dibuka pada tahun 1846.¹²⁹ Perkembangan pesat dalam bidang pendidikan menggambarkan tumpuan yang diberikan oleh kerajaan Turki terhadap aspek pendidikan yang menjadi asas penting kepada kemajuan sesebuah kerajaan dan kecemerlangan rakyatnya dalam memajukan sesebuah kerajaan.

Sumbangan yang lain ialah memperkenalkan sistem perundungan yang adil kepada semua tanpa mengira agama dan bangsa. Antaranya ialah pengenalan *Kanunname* atau “Kanun Suleyman” iaitu kod undang-undang yang diasaskan oleh Suleyman I (1520-1566) sehingga baginda digelar sebagai Suleyman “al-Qanuni”.¹³⁰ Berdasarkan undang-undang tersebut, semua rakyat akan dipelihara dari segi nyawa, harta dan kehormatan tanpa mengira agama dan bangsa. Kewujudan undang-undang tersebut juga menunjukkan keterbukaan kerajaan Turki Uthmaniyah sebagaimana ajaran Islam yang menganjurkan kerajaan Islam agar menjaga hak dan kebajikan semua rakyatnya tanpa mengira bangsa dan agama. Hal ini sekali gus menolak dakwaan bahawa kerajaan Turki Uthmaniyah sangat zalim terhadap rakyat bukan Islam, apatah lagi memaksa rakyatnya memeluk Islam. Kewujudan undang-undang tersebut juga membolehkan Islam berkembang pesat di Eropah kerana pengenalan undang-undang yang adil untuk semua pihak.

Kerajaan Turki Uthmaniyah turut memberi sumbangan penting bagi memajukan sistem perhubungan, khususnya pada akhir abad ke-19. Antaranya ialah perluasan jaringan jalan keretapi ketika zaman Abdul Hamid II yang dikendalikan oleh syarikat Jerman. Beberapa pembinaan jalan keretapi telah dibangunkan seperti *Orient Express* yang menghubungkan Paris dengan Istanbul (1883), jalan keretapi Baghdad (1903-1918), serta jalan keretapi Hejaz (1900-1908) meliputi sekitar 1,300 km dari Syria ke Madinah untuk memudahkan urusan haji.¹³¹ Cadangan pembinaan “Hejaz Railways” atau Jalan Keretapi Hejaz telah dikemukakan sejak tahun 1864 lagi khususnya bagi memendekkan tempoh perjalanan bagi menuaikan haji bagi umat Islam yang tinggal di utara Hejaz, termasuklah umat Islam

¹²⁵ Zeynep Ahunbay (2009), “Architecture,” dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 48-49.

¹²⁶ Bruce Masters (2009), “Waqf (Vakif),” h. 590.

¹²⁷ Ekmeleddin İhsanoğlu (2009), “Education,” dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 199.

¹²⁸ Kemal H. Karpat (2002), *Studies on Ottoman Social and Political History: Selected Articles and Essays*, Leiden: Brill, h. 268.

¹²⁹ Ekmeleddin İhsanoğlu (2009), “Education,” h. 203-204.

¹³⁰ Mustafa Şentop (2009), “Kadi,” dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 304.

¹³¹ Yakup Bektaş (2009), “Railroads,” dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 480.

Kerajaan Turki Uthmaniyyah dan Sumbangannya dalam Bidang Sosiopolitik Abad Ke-14 hingga Abad Ke-20 yang tinggal di Turki, Luban, Syria dan Jurusalem. Landasan keretapi ini menghubungkan stesen Damsyiq di Syria dengan Madinah di Hejaz yang meliputi jarak perjalanan sekitar 1,300 km.¹³² Kos pembinaan pula diambil daripada harta wakaf yang disumbangkan oleh umat Islam di seluruh Dunia Islam sekali gus menyaksikan tiada hutang di akhir pembinaan.¹³³ Syarikat Jerman juga bertanggungjawab untuk meluaskan lagi jaringan telegraf di seluruh Turki bagi memudahkan komunikasi antara beberapa kerajaan pusat dengan wilayah mereka, khususnya dengan wilayah dan daerah yang terletak jauh antara satu sama lain. Hal ini menggambarkan kesungguhan kerajaan Turki Uthmaniyyah untuk memajukan aspek perhubungan sebagai salah satu medium penting bagi menggalakkan kemajuan dalam kerajaan tersebut. Pada masa yang sama, aspek perhubungan yang semakin mudah juga mencepatkan perjalanan dalam negara, sekali gus dapat merancakkan lagi kegiatan ekonomi.

Aspek perpaduan juga merupakan antara sumbangan penting kerajaan Turki Uthmaniyyah. Buktiya, kerajaan tersebut melalui Abdul Hamid II telah memperkenalkan konsep Pan-Islamisme bagi menyatukan semula umat Islam yang telah berpecah-belah akibat penjajahan Barat. Secara umumnya, Pan-Islamisme merujuk kepada satu idea, gerakan atau dasar yang menyeru kepada perpaduan seluruh umat Islam di bawah kepimpinan kerajaan Turki Uthmaniyyah. Perkembangan tersebut berlaku disebabkan penjajahan kuasa Barat terhadap jajahan takluk kerajaan tersebut serta seluruh Dunia Islam. Dasar tersebut kemudian digunakan oleh Sultan Turki, Abdul Hamid II untuk mendapatkan sokongan umat Islam di seluruh dunia terhadap kepimpinan beliau, selain mengembalikan semula kepercayaan orang Arab terhadap kerajaan Turki Uthmaniyyah yang semakin merosot sejak pertengahan abad ke-19. Baginda kemudian bekerjasama dengan tokoh islah yang berasal dari Parsi tetapi berpusat di Mesir bagi menyebarkan idea tersebut iaitu Jamal al-Din al-Afghani.¹³⁴

Bagi mencapai tujuan tersebut, umat Islam diseru agar kembali semula kepada ajaran Islam yang sebenar dengan kembali kepada al-Quran dan hadis. Pada tahun 1880, satu pertemuan tertutup dengan ulama telah diadakan dan dasar ini telah digubal bagi menyekat penjajahan Barat yang sedang berleluasa terhadap umat Islam dan negara Islam. Bahkan penggubalan dasar tersebut juga telah mendapat sokongan ulama dari Syria, Makkah dan Hadramawt (Yaman). Pada tahun 1892, dasar tersebut dikukuhkan lagi melalui kerjasama antara baginda dengan tokoh islah yang terkenal ketika itu iaitu Jamal al-Din al-Afghani. Bagi menyebarkan pengaruh pan-Islamisme, beberapa orang Konsul Turki telah dilantik di seluruh Dunia Islam seperti di Afrika dan Asia seperti di Asia Timur, Asia Tenggara, Asia Tengah, Asia Selatan. Baginda juga pernah menghantar Konsul Turki di kepada umat Islam di China dan Afghanistan.¹³⁵ Tindakan ini sekali gus berjaya menaikkan kedudukan Abdul Hamid II sebagai pembela umat Islam di seluruh dunia.

Selain itu, kerajaan Turki Uthmaniyyah juga memberi sumbangan penting terhadap usaha mempertahankan hak umat Islam. Antara sumbangan terpenting ialah mempertahankan Baitulmaqdis (Jurusalem) daripada dikuasai oleh orang Yahudi. Pada tahun 1891, Abdul Hamid II pernah ditawarkan oleh pengasas pergerakan Zionis, Theodor Herzl, seorang Yahudi keturunan Austria-Hungary untuk membayar sebahagian hutang kerajaan Turki Uthmaniyyah dengan syarat diberikan kebenaran kepada orang Yahudi untuk mewujudkan penempatan autonomi di Jurusalem, namun tawaran tersebut telah ditolak.¹³⁶ Hal ini menggambarkan sikap amanah baginda kerana baginda telah diamanahkan oleh umat Islam untuk menjaga kota suci tersebut. Oleh itu, sebarang usaha untuk melepaskan kawasan tersebut kepada pihak lain dianggap sebagai satu pengkhianatan.

Kerajaan Turki Uthmaniyyah juga memberi sumbangan penting bagi mengukuhkan perpaduan rakyat. Antaranya ialah pengenalan sistem “millet” iaitu sistem kelompok agama bagi masyarakat bukan Islam. Setiap kelompok agama dipimpin oleh seorang ketua dan diberikan kuasa terhad bagi menguruskan hal

¹³² *The Rise of Islam and the Caliphate & The Pan Islamic Movement*, Handbook Prepared under the Direction of the Historical Section of the Foreign Office, January 1919, h. 56, terlampir dalam FO 373/5/6, *The Rise of Islam and the Caliphate, The Pan-Islamic Movement*.

¹³³ Lihat, “The Dispute About Tabah,” *Eastern Daily Mail and Straits Morning Advertiser*, 12 Mei 1906, h. 1.

¹³⁴ Gökhan Çetinsaya (2009), “Pan-Islamism,” dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 453. Lihat juga Reinhard Schulze, (2013) “Pan-Islamism,” dalam Gerhard Bowering et al. (ed.), *The Princeton Encyclopedia of Islamic Political Thought*, Princeton, New Jersey: Princeton University Press, h. 407; Ermy Azziyat Rozali (2016), *Turki Uthmaniyyah: Persepsi dan Pengaruh dalam Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 234-248.

¹³⁵ *The Rise of Islam and the Caliphate & The Pan Islamic Movement*, Handbook Prepared under the Direction of the Historical Section of the Foreign Office, January 1919, h. 56, terlampir dalam FO 373/5/6, *The Rise of Islam and the Caliphate, The Pan-Islamic Movement*.

¹³⁶ Spencer C. Tucker (2018), “Abdulhamid II, Sultan,” dalam Spencer C. Tucker, *The Encyclopedia of the Arab-Israeli Conflict: A Political, Social, and Military History*, Vol. 1, Santa Barbara: California, ABC-CLIO, h. 22.

ehwal masing-masing, namun masih di bawah penguasaan kerajaan pusat. Sistem yang diasaskan oleh Mehmed I (1413–1421) ini terbahagi kepada tiga kelompok utama yang dipimpin oleh ketua agama masing-masing dan dilantik oleh sultan. Pertama, kelompok Greek Ortodok yang dipimpin oleh Ketua Paderi Greek Ortodok iaitu Kristian bermazhab Ortodok. Kedua, kelompok Armenia yang dipimpin oleh Ketua Paderi Armenia iaitu Kristian bermazhab Katolik. Ketiga, kelompok Yahudi yang dipimpin oleh “hahambaşı” atau Ketua Agama Yahudi (Rabbi) di Istanbul.¹³⁷ Di Eropah, “millet” juga sering dianggap sebagai sistem ‘negara’ yang mewakili kelompok agama tertentu khususnya menjelang akhir abad ke-19.¹³⁸ Kewujudan sistem millet memberikan kebebasan kepada masyarakat bukan Islam untuk mengamalkan agama dan budaya mereka secara bebas tanpa gangguan pihak kerajaan, selagi mereka masih membayar cukai yang dikutip melalui ketua setiap millet dan setia kepada kerajaan.

Sistem devshirme pula merujuk sejenis sistem cukai yang merekrut kanak-kanak bukan Islam khususnya Kristian dalam wilayah kerajaan Turki Uthmaniyyah ke dalam pentadbiran dan ketenteraan kerajaan secara sukarela yang diamalkan sejak akhir abad ke-14 lagi. Sistem ini juga digelar sebagai “*child levy system*” yang diamalkan sejak pemerintahan Murad I (1362-1389), Bayezid I (1389-1402), dan Mehmed II (1444-1446, 1451-1481).¹³⁹ Secara umumnya, wilayah Kristian yang dikuasai terutama di timur Eropah seperti Greek, Albania, Serbia, Bulgaria dan Hungary perlu menyerahkan seorang kanak-kanak lelaki bagi setiap 40 buah rumah yang berusia antara 8 hingga 20 tahun (kebiasaanya antara 12 hingga 14 tahun) untuk menjalani latihan dalam bidang pentadbiran dan ketenteraan.¹⁴⁰

Namun begitu, sistem ini mempunyai sedikit perbezaan mengikut kawasan dan zaman pemerintahan. Ramai ibu bapa di wilayah jajahan kerajaan yang menghantar anak mereka menyertai sistem ini kerana anak-anak mereka berpeluang menduduki jawatan tertinggi dalam kerajaan, termasuklah sebagai Janisari dan Grand Vizier (Perdana Menteri). Mehmed Köprülü, Grand Vizier (1656-1661) ketika pemerintahan Mehmed IV (1648–1687) yang asalnya merupakan anak kepada seorang beragama Kristian berasal dari Albania merupakan antara contoh kejayaan sistem devshirme sehingga membolehkan beliau menjadi Grand Vizier.¹⁴¹ Terdapat juga dalam kalangan mereka yang ditugaskan sebagai pembantu peribadi sultan. Kewujudan sistem tersebut dapat membekalkan tenaga kerja yang mahir dan terlatih dalam bidang pentadbiran.¹⁴² Pada masa yang sama, sistem tersebut dapat melahirkan tentera yang terlatih bagi menampung jumlah tentera tempatan sedia ada.

Meskipun kedua-dua sistem ini mempunyai maksud dan tujuan yang berbeza, namun pengenalan sistem tersebut bukan sahaja menggambarkan keprihatinan pemerintah terhadap rakyat Turki yang bukan beragama Islam, malah menggambarkan keadilan Islam kerana tidak memaksa bukan Islam untuk memeluk Islam. Bahkan Islam hanya mensyaratkan agar mereka mengikuti dan mengiktiraf sistem pemerintahan Islam sebagai timbal balik terhadap peluang untuk tinggal di sebuah empayar Islam dan jaminan kerajaan Islam terhadap nyawa, harta dan kehormatan mereka. Untuk jangka panjang, sistem tersebut menggalakkan perpaduan dalam kalangan rakyat kerana mereka juga diberikan peluang untuk berkhidmat dan berbakti kepada negara meskipun dengan cara yang sedikit berbeza, sama seperti rakyat yang beragama Islam.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa kerajaan Turki Uthmaniyyah telah mencapai kegemilangan serta memberi sumbangan yang besar dalam pelbagai bidang pada dua abad pertama penubuhan kerajaan tersebut, khususnya antara awal abad ke-14 sehingga akhir abad ke-16. Pelbagai sumbangan telah dicapai oleh kerajaan tersebut, khususnya dalam bidang sosiopolitik. Daripada sebuah wilayah kecil di Anatolia yang diasaskan oleh sebuah bangsa yang berasal dari Asia Tengah, kerajaan tersebut kemudiannya muncul sebagai kerajaan Islam yang terkuat pada abad ke-16 dan pembela Islam kerana berjaya mengalahkan kerajaan Mamluk yang berpusat di Mesir dan

¹³⁷ Bruce Masters (2009), “Millet,” dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 383.

¹³⁸ Helen J.R. Odams (1996), British Perceptions of the Ottoman Empire, 1876-1908, Tesis PhD, St. Anthony’s College, University of Oxford, h. 71.

¹³⁹ Donald Quataert, *The Ottoman Empire, 1700-1922*, h. 31.

¹⁴⁰ Gabor Agoston (2009), “Devşirme (Devshirme),” dalam Gabor Agoston & Bruce Masters (ed.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc., h. 183.

¹⁴¹ Stanford Shaw (1997), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, h. 207-208.

¹⁴² Donald Quataert, *The Ottoman Empire, 1700-1922*, h. 31.

Kerajaan Turki Uthmaniyyah dan Sumbangannya dalam Bidang Sosiopolitik Abad Ke-14 hingga Abad Ke-20 menguasai jajahan takluknya termasuklah tiga kota suci umat Islam. Selain itu, kerajaan Turki Uthmaniyyah juga muncul sebagai salah satu kuasa besar di Eropah khususnya timur Eropah kerana berjaya mengalahkan kerajaan Byzantine (Rom Timur) dan mencabar serta menguasai beberapa wilayah kuasa besar di timur Eropah seperti kerajaan Bulgaria, Hungary, Habsburg (Austria), dan Wallachia (Romania) khususnya ketika pemerintahan Mehmed II, Suleyman I dan Selim II.

Meskipun abad ke-17 sehingga awal abad ke-20 sering dianggap sebagai zaman kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyyah sehingga menyebabkan era tersebut dibayangi dengan kekalahan kerajaan tersebut dalam beberapa perang besar, pembebasan jajahan takluk dan konflik dalaman, namun terdapat juga beberapa pencapaian dan sumbangaan kerajaan tersebut ketika itu yang boleh dibanggakan. Dalam keadaan sedemikian, kerajaan tersebut telah menjalankan beberapa dasar pembaharuan dan pemodenan seperti Tanzimat ketika zaman Abdul Majid I dan Abdul Aziz I, walaupun dasar tersebut tidak berjaya sepenuhnya. Selain itu, Abdul Hamid II sebagai Sultan Turki Uthmaniyyah terakhir yang berkuasa mutlak juga telah melaksanakan beberapa pembaharuan, khususnya dari segi pendidikan melalui penubuhan sekolah tentera, sekolah undang-undang, sekolah teknikal dan universiti serta kemajuan sistem perhubungan melibatkan pembinaan landasan keretapi dan telegraf di seluruh wilayah kerajaan Turki Uthmaniyyah.

Rujukan

- Agoston, Gabor & Bruce Masters (ed.) (2009), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts on File Inc.
- Ahmad, Feroz (2003), *Turkey: The Quest for Identity*, Oxford: Oneworld Publications.
- Boyar, Ebru & Kate Fleet (2009), *A Social History of Ottoman Istanbul*, New York: Cambridge University Press.
- CO 323/720/34, The Turkish and Pan-Turkish Ideal, by Tekin Alp, Constantinople.
- Davison, Roderic H. (1963), *Reform in the Ottoman Empire, 1856–1876*, Princeton, N.J.: Princeton University Press.
- Ermy Azziaty Rozali (2016), *Turki Uthmaniyyah: Persepsi dan Pengaruh dalam Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Eastern Daily Mail and Straits Morning Advertiser*, 12 Mei 1906.
- Faroqhi, Suraiya (2004), *The Ottoman Empire and the World Around It*, New York: I.B. Tauris.
- Faroqhi, Suraiya N. (ed.) (2006), *The Cambridge History of Turkey*, Vol. 3, Cambridge: Cambridge University Press.
- Findley, Carter V. (1980), *Bureaucratic Reform in the Ottoman Empire: The Sublime Porte, 1789–1922*, Princeton, N.J.: Princeton University Press.
- Fleet, Kate (ed.) (2009), *The Cambridge History of Turkey*, Vol. I, New York: Cambridge University Press.
- FO 373/5/6, The Rise of Islam and the Caliphate, The Pan-Islamic Movement.
- FO 608/115/1, Turkey: Committee of Union and Progress (CUP).
- Goffman, Daniel (2004), *The Ottoman Empire and Early Modern Europe*, New York: Cambridge University Press.
- Quataert, Donald (2005), *The Ottoman Empire, 1700-1922*, New York: Cambridge University Press.

Ekmeleddin Ihsanoglu (2004), “The Introduction of Western Science to the Ottoman World: A Case Study of Modern Astronomy (1660-1860),” dalam Ekmeleddin Ihsanoglu (ed.), *Science, Technology and Learning in the Ottoman Empire: Western Influence, Local Institutions, and the Transfer of Knowledge*, London: Routledge.

Imber, Colin (2002), *The Ottoman Empire, 1300–1650: The Structure of Power*, New York: Palgrave Macmillan Ltd.

Isom-Verhaaren, Christine (2016), “Mihrimah Sultan: A Princess Constructs Ottoman Dynastic Identity,” dalam Christine Isom-Verhaaren & Kent F. Schull (ed.), *Living in the Ottoman Realm: Empire and Identity, 13th to 20th Centuries*, Indiana, USA: Indiana University Press.

Itzkowitz, Norman (1972), *Ottoman Empire and Islamic Tradition*, Chicago: The University of Chicago Press.

Karpat, Kemal H. (1972), “The Transformation of the Ottoman State, 1789-1908,” *International Journal of Middle East Studies*, Vol. 3, No. 3, 243-281.

Karpat, Kemal H. (2009), *Studies on Ottoman Social and Political History: Selected Articles and Essays*, Leiden: Brill.

Kasaba, Resta (ed.) (2008), *The Cambridge History of Turkey*, Vol. 4, New York: Cambridge University Press.

Kastritsis, Dimitris J. (2007), *The Sons of Bayezid: Empire Building and Representation in the Ottoman Civil War of 1402–1413*, Leiden: Brill.

Kia, Mehrdad (2008), *The Ottoman Empire*, Westport, Connecticut: Greenwood Press.

Kia, Mehrdad (2017), *The Ottoman Empire: A Historical Encyclopedia*, Vol. 1, Santa Barbara, California: ABC-CLIO.

Lewis, Bernard (1963), *Istanbul and the Civilization of the Ottoman Empire*, Norman, Oklahoma: University of Oklahoma Press.

Murphrey, Rhoads (1999), *Ottoman Warfare, 1500–1700*, London: UCL Press Limited, 1999.

Mutawalli, Ahmad Fu’ad & Huwaida Muhammad Fahmi (2005), *Tarikh al-Daulah al-Uthmaniyyah: Munzu Nashatiha hatta Nihayah al-‘Asr al-Zahabi (Sejarah Kerajaan Uthmaniyyah: Sejak Kemunculannya sehingga Akhir Zaman Keemasan)*, al-Qahirah: Itrak lil Nashr wa al-Tauzi’.

Nicolle, David & Angus MacBride (1983), *Armies of the Ottoman Turks, 1300-1774*, Oxford: Osprey Publishing.

Nicolle, J., J. Haldon & S. Turnbull (2007), *The Fall of Constantinople: The Ottoman Conquest of Byzantium*, Oxford: Osprey Publishing.

Odams, Helen J.R. (1996), British Perceptions of the Ottoman Empire, 1876-1908, Tesis PhD, St. Anthony’s College, University of Oxford.

Olson, Robert W. (1974), “The Esnaf and the Patrona Halil Rebellion of 1730: A Realignment in Ottoman Politics,” *Journal of the Economic and Social History of the Orient*, Vol. 17, No. 3, 329-344.

Parry, V.J. (1976), “The Period of Murad IV, 1617-48,” dalam M.A. Cook (ed.), *A History of the Ottoman Empire to 1730*, Cambridge: Cambridge University Press.

Safran, Janina M. (2000), *The Second Umayyad Caliphate: The Articulation of Caliphal Legitimacy in Al-Andalus*, Cambridge: Harvard University Press.

Kerajaan Turki Uthmaniyyah dan Sumbangannya dalam Bidang Sosiopolitik Abad Ke-14 hingga Abad Ke-20
Schulze, Reinhard (2013), “Pan-Islamism,” dalam Gerhard Bowering et al. (ed.), *The Princeton Encyclopedia of Islamic Political Thought*, Princeton, New Jersey: Princeton University Press.

Shaw, Stanford (1997), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, Vol. 1, Cambridge: Cambridge University Press.

Shaw, Stanford & Ezel Kural Shaw (2002), *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, Vol. II, New York: Cambridge University Press.

Shefer-Mossenohn, Miri (2015), *Science among the Ottomans: The Cultural Creation and Exchange of Knowledge*, Austin: University of Texas Press.

Singapore Chronicle and Commercial Register, 7 Mei 1829.

Somel, Selcuk Aksin (2003), *Historical Dictionary of the Ottoman Empire*, Lanham, Maryland: The Scarecrow Press Inc.

SP 108/540, Original Capitulations Granted to the English Nation, As Confirmed by Sultan Ibrahim I to Sir Sackville Crow, 28 Oktober 1641.

Teitelbaum, Joshua (1998), “Sharif Husayn ibn Ali and the Hashemite Vision of the Post-Ottoman Order: From Chieftaincy to Suzerainty,” *Middle Eastern Studies*, Vol. 34, No. 1, 103-122.

Terry, Janice J. (2008), “Ottoman Empire: 1299-1453,” dalam Marsha E. Ackermann et al. (ed.), *Encyclopedia of World History*, New York: Facts on File Inc.

The Illustrated London News, 1896.

The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser, 1897-1917.

The Straits Times, 1896-1917.

Tucker, Spencer C. (2018), “Abdulhamid II, Sultan,” dalam Spencer C. Tucker (ed.), *The Encyclopedia of the Arab-Israeli Conflict: A Political, Social, and Military History*, Vol. 1, Santa Barbara: California, ABC-CLIO.

Turnbull, Stephen (2003), *The Ottoman Empire, 1326-1699*, London: Osprey.

Walsh, R. (1836), *A Residence at Constantinople: During a Period Including the Commencement, Progress and Termination of the the Greek and and Turkish Revolutions*, Vol. 2, London: Frederick Westley and A. H. Davis.

Veinstein, Gilles (2013), “The Great Turk and Europe,” dalam John Tolan, Gilles Veinstein & Henry Laurens (ed.), *Europe and the Islamic World: A History*, New Jersey: Princeton University Press.

Zurcher, Erik J. (2004), *Turkey: A Modern History*, New York: I.B. Tauris.

